



Siri Permainan Tradisional Melayu

# PERMAINAN GALAH PANJANG

FIEDA

Foto sumbangan ikhlas dari:-

- Kementerian Kebudayaan Kesenian Dan Pelancongan Malaysia  
- Jabatan Muzium Dan Antikuiti



**OAK ENTERPRISE**  
No. B1-02, P.J. Industrial Park,  
Sek션 13, Jalan Kemajuan,  
46200 Petaling Jaya, Selangor.

**© Oak Enterprise 2003,**  
**Cetakan Pertama 2003**

*Hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini  
tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam  
bentuk yang boleh dipergunakan semula,  
atau dipindahkan sama ada dengan cara  
elektronik, mekanik, penggambaran  
semula, perakaman atau sebagainya,  
tanpa kebenaran terlebih dahulu dari  
**OAK ENTERPRISE***

Di cetak oleh:

ASA8 Jalan Hang Tuah 1,  
Salak South Garden,  
57100 Kuala Lumpur.

M / 1106786

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Fieda.

Permainan galah panjang / Fieda.  
(Siri permainan tradisional Melayu)

ISBN 983-2652-00-6 (set)

ISBN 983-2106-76-1

1. Galah panjang—Malaysia—Juvenile literature.
2. Malays—Games—Malaysia—Juvenile literature.

I. Judul. II. Siri.

796.109595

30 MAY 2003

Perpustakaan Negara  
Malaysia

# PRAKATA

## *SIRI PERMAINAN TRADISIONAL MELAYU*

diterbitkan semata-mata untuk memberikan pengetahuan kepada pembaca, mengenai cara-cara bagaimana sesebuah permainan tradisional dimainkan oleh masyarakat dahulu kala.

Sebagaimana yang kita semua sudah sedia maklum, masyarakat Melayu khususnya pada zaman dahulu, sememangnya terkenal dengan pelbagai jenis permainan yang bukan sahaja dimainkan oleh golongan kanak-kanak, tetapi juga oleh golongan dewasanya. Contohnya seperti, permainan wau, gasing dan juga wayang kulit.

Ini kerana, masyarakat dahulu tidak akan membiarkan masa-masa senggang mereka dengan begitu sahaja. Ataupun mengisinya dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Malah mereka akan mengisinya dengan bermain permainan-permainan yang bukan sahaja dapat menghiburkan, tetapi juga dapat memupuk semangat bekerjasama sesama mereka.

Pada hakikatnya, kesemua jenis permainan tradisional ini semakin hari semakin pupus daripada pengetahuan generasi muda masa kini. Ia terjadi berkemungkinan kurangnya pemaparannya sama ada di media-media massa mahupun media-media elektronik. Oleh yang demikian, diharapkan buku ini dapat dijadikan panduan kepada generasi muda untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenainya.

*Pengarang*

2. Memerlukan pengalaman
3. Persepsi dan pemahaman  
tentang dunia nyata,  
+ laki berfikir
4. Capitor tidak mempunyai
5. Fisika disebut sebagai  
seni jingkitan

---

## PENGENALAN

---

Malaysia merupakan sebuah negara yang makmur dan aman menjadikannya sebagai sebuah negara tumpuan pelancong untuk melawat dan melancong ke negara ini. Keunikan yang ada di negara ini turut menyumbang ke arah penarikan pelancong ke negara ini. Jika kita tinjau dan melihat dengan teliti, negara Malaysia mempunyai keunikan dari segi warisan bangsa sama ada dari sudut budaya dan sebagainya.

Budaya yang dimaksudkan adalah mencukupi skop yang terlalu luas jika ia hendak diuraikan. Ia memerlukan pengertian yang jelas agar dapat difahami dengan maksud yang

sebenarnya. Penulisan ini hanya menyentuh tentang salah satu warisan budaya tradisional iaitu dari segi permainan tradisional.

Banyak jenis permainan tradisional yang dapat dilihat dan dimainkan sebagai satu hiburan namun kini ia diperkenalkan dan diketengahkan sebagai satu acara sukan yang boleh dipertandingkan. Contohnya seperti permainan wau dan gasing yang kini kedua-dua permainan tersebut menjadi satu acara yang diperkenalkan dalam satu-satu pesta atau pertandingan. Peredaran waktu yang berlaku menjadikan kita melihat perubahan pada permainan tradisional ini seperti jenis, cara bermain, bilangan pemain dan sebagainya.

Tidak dapat dinafikan juga terdapat permainan tradisional yang dahulunya hanya dikenali sebagai permainan kanak-kanak dan juga permainan rakyat, kini ia menjadi permainan yang dianggap sebagai salah satu acara sukan di peringkat kebangsaan ataupun di peringkat antarabangsa. Seperti sukan sepak raga yang kini dikenali sebagai sepak takraw sudah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Sebenarnya banyak lagi jenis permainan tradisional atau rakyat yang tidak diketahui oleh generasi baru pada hari ini. Salah satu permainan rakyat yang masih kekal dan

Perlawanan galah panjang sedang dijalankan di padang sambil diperhatikan oleh penyokong kedua-dua pasukan.



dimainkan sehingga hari ini ialah permainan galah panjang. Tanpa kita sedari permainan galah panjang ini sebenarnya dikenali oleh masyarakat khususnya masyarakat Melayu tetapi ia masih belum diperluaskan lagi.

Namun begitu, permainan ini tetap dimainkan dan biasanya di kawasan kampung. Usaha kerajaan mewujudkan permainan-permainan seperti ini sebagai suatu pertandingan adalah usaha yang harus dibanggakan oleh kita warga Malaysia. Ini kerana permainan seperti ini adalah warisan turun-temurun dari nenek moyang kita yang inginkan setiap generasi mengetahui akan permainan masyarakat dahulu.

Oleh itu, kita sebagai generasi moden di kala ini, haruslah menghargai peninggalan warisan Melayu lama yang harus dikekalkan supaya tidak luput ditelan zaman. Jika tidak, pasti generasi akan datang jahil tentang permainan atau tarian tradisional nenek moyang mereka.


---

## GALAH PANJANG

---

Galah panjang merupakan salah satu jenis permainan tradisional yang dapat kita kenali dan dimainkan sehingga ke hari ini. Galah Panjang merupakan permainan rakyat yang dimainkan oleh golongan kanak-kanak sebagai satu riadah untuk mereka. Namun kini permainan ini turut dimainkan oleh golongan dewasa. Sememangnya kita mengetahui bahawa kanak-kanak memang menggemari permainan yang memerlukan pergerakan yang banyak kerana pada peringkat ini kanak-kanak memang bersifat aktif. Untuk pengetahuan semua permainan galah panjang ini ada sesetengah daripada masyarakat yang mengenali permainan ini sebagai permainan

Kelihatan peserta galah panjang sedang berjaga-jaga mengawasi pihak lawan daripada terbolos daripada jagaannya.



'main tui'.

Lazimnya permainan galah panjang ini sering dimainkan oleh kanak-kanak lelaki. Permainan ini biasanya dilakukan di luar rumah dan gerak permainan ini memerlukan para pemain melakukan banyak pergerakan dan tenaga serta aktif. Ia hanyalah merupakan salah satu daripada permainan di masa lapang bagi kanak-kanak lelaki di Malaysia. Walau bagaimanapun permainan galah panjang atau main tui ini tidak pula menggunakan galah panjang atau alat-alat yang lain.

Sebagai salah satu permainan rakyat atau tradisional yang menjadi warisan masyarakat Melayu di Malaysia sehingga hari ini, kini ia bukan sahaja dimainkan oleh kanak-kanak tetapi permainan ini juga kini menjadi salah satu acara atau aktiviti pertunjukan di pesta-pesta kebudayaan. Kadangkala permainan ini turut dipertontonkan untuk tatapan para pelancong yang datang melawat ke negara ini dan biasanya ia dimainkan oleh golongan dewasa.

Namun, di sini tidak dapat dinyatakan bagaimana permainan galah panjang atau main tui ini berasal dan siapa yang memperkenalkannya kerana tiada sumber yang dapat menyatakan bukti

mengenai kewujudan permainan ini. Mungkin juga permainan ini wujud hasil dari kreativiti masyarakat di kala itu ataupun sememangnya ia merupakan permainan yang diwarisi dari mana-mana generasi.


## CARA MENENTUKAN KUMPULAN

Tidak seperti permainan gasing, permainan galah panjang ini tidak dimainkan secara berseorangan ataupun individu. Permainan galah panjang ini dimainkan secara berkumpulan dan biasanya melibatkan dua kumpulan. Dua kumpulan yang dimaksudkan di sini ialah terdiri dari kumpulan penyerang dan satu lagi dikenali sebagai kumpulan bertahan.

Setiap kumpulan yang ingin memainkan permainan ini lazimnya mempunyai pemain tidak kurang dari empat orang dan kebiasaan ia tidak melebihi dari sepuluh pemain bagi kedua-dua kumpulan.

Dalam setiap kumpulan, salah seorang pemain

PERMAINAN GALAH PANJANG



X

dari ahlu kumpulan itu akan dilantik sebagai ketua dan yang lainnya adalah sebagai pemain atau awak-awak sahaja. Pemain yang dilantik sebagai ketua akan bertugas sebagai ketua kumpulan. Ketua kumpulan ini akan bertugas mengawasi setiap pergerakan penyerang yang masuk dan keluar gelanggang, iaitu proses keluar masuk di sepanjang garisan permulaan, garisan tengah dan juga garisan di sekeliling gelanggang. Manakala tugas awak-awak pula ialah hanya menjaga garisan melintang di dalam sesebuah gelanggang.

Sebelum permainan galah panjang ini dimulakan undian akan dilakukan secara 'wan tu som' yang dijalankan oleh kedua-dua ketua pasukan. Dalam undian ini siapa yang menang akan menjadi pasukan penyerang. Satu lagi proses untuk memainkan permainan ini ialah penetapan pengiraan untuk tukar giliran. Penetapan pengiraan bertukar giliran akan ditentukan terlebih dahulu, iaitu sama ada hanya dengan cuitan dikenakan ke badan pemain atau dengan menangkap pemain.

## UNDIAN


Sebelum permainan galah panjang atau main tui ini dimulakan, kedua-dua kumpulan perlu menentukan mana kumpulan yang akan menjadi kumpulan penyerang dan mana kumpulan yang akan menjadi kumpulan bertahan. Proses undian ini akan dijalankan dengan undian secara 'wan tu som atau zum'.

Undian ini tidak memerlukan sebarang alatan. Undian 'wan tu som atau wan tu zum' ini melibatkan dua pemain yang berdiri berhadapan antara satu sama lain. Tangan setiap mereka akan diletakkan di belakang badan untuk tujuan menyembunyikan tangan yang akan membuat bentuk.

Selepas itu kedua-dua mereka akan menyebut 'wan tu som' secara serentak. Sebaik sahaja 'som atau zum' disebutkan, kedua-dua mereka perlu mengeluarkan salah satu tangan masing-masing dengan cepat dan serentak sambil membuat satu daripada lima bentuk yang ada dalam undian ini.

Antara bentuk-bentuk yang terlibat dalam proses undian secara 'wan tu som atau zum' ini ialah:-

- a ) Burung iaitu bentuk ini terbentuk apabila kelima-lima jari dihulurkan dan disatukan kelima-limanya.
- b ) Batu iaitu di mana kelima-lima jari akan digenggam seperti membentuk satu kepalan tangan.
- c ) Pistol iaitu ia melibatkan ibu jari dan jari telunjuk. Ketika ini jari telunjuk akan dihulurkan dan ibu jari akan tertegak ke atas.
- d ) Papan iaitu tangan akan dihulurkan manakala telapak tangan menghadap ke bawah.
- e ) Air iaitu tangan akan dihulurkan sementara telapak tangan akan dibuka dan menghadap ke atas.



## PEMENANG

### MENENTUKAN PEMAIN YANG MENANG:-

Dalam proses mengundi secara 'wan tu som atau zum' ini pemenang akan dikira sekiranya melibatkan bentuk-bentuk berikut:-

- a ) Jika melibatkan bentuk burung dan air maka burung akan menang kerana burung boleh meminum air.
- b ) Jika undian melibatkan bentuk burung dan batu maka batu akan menang. Ini disebabkan batu boleh mencederakan burung.
- c ) Jika melibatkan undian berbentuk papan dan batu maka batu akan menang kerana batu

boleh memecahkan papan.

d ) Jika bentuk pistol dan burung pula yang terlibat maka, pistol yang akan menang kerana pistol boleh membunuh burung.

e ) Manakala jika melibatkan bentuk pistol dan papan maka pistol yang akan menang kerana pistol boleh atau mampu memecahkan papan.

f ) Jika bentuk pistol dan batu yang terlibat maka pistol yang akan memenangi kerana pistol boleh memecahkan batu.

g ) Antara bentuk air dan batu pula pemenang akan dikira jika ia mengundi dengan membentuk air. Ini disebabkan air boleh atau berupaya menenggelamkan batu.

h ) Antara bentuk air dan pistol pula, maka air akan menang kerana ia berupaya menenggelamkan pistol.

i ) Jika melibatkan bentuk papan dan air pula pemenang akan dikira bagi mereka yang membentuk papan kerana papan akan terapung di atas permukaan air.

j ) Manakala antara bentuk papan dan burung pula, bentuk papan akan dikira menang kerana papan boleh mencederakan burung.

Perlu diingatkan jika kedua-dua pemain membentuk sesuatu bentuk yang sama dalam satu masa maka undian ini akan diulangi semula sehingga bentuk yang berlainan antara kedua-dua pemain itu terjadi. Setelah proses undian ini dijalankan maka akan mendapat keputusan yang mana pasukan dikira menang dan yang mana pasukan di kira kalah.

## BENTUK-BENTUK LAIN

Selain dari lima bentuk yang dinyatakan di atas terdapat juga bentuk lain yang boleh dibentuk dalam proses undian ‘wan tu som’ ini iaitu:-

a ) Gelas di mana kesemua jari akan dikuncupkan.

b ) Air iaitu tapak tangan akan dibuka dan akan menghadap ke atas.



c) Batu iaitu kesemua jari akan digenggam.

Antara air dan gelas maka pemenang akan dikira bagi mereka yang membentuk gelas kerana gelas boleh menyimpan air. Manakala antara batu dan gelas pula, batu yang akan menang kerana batu berupaya memecahkan gelas. Antara air dan batu pula bentuk air akan dikira menang kerana air berupaya menenggelamkan batu.



## GELANGGANG PERMAINAN

Setiap permainan akan mempunyai tempat bermain atau kawasan permainan. Tempat bermain yang dimaksudkan adalah kawasan atau ruang yang digunakan untuk bermain. Biasanya tempat bermain bergantung kepada jenis permainan yang ingin dimainkan. Permainan galah panjang merupakan satu permainan yang memerlukan kawasan atau tempat bermain kerana ia merupakan salah satu jenis permainan yang dilakukan di luar rumah. Tempat yang ingin digunakan biasanya melibatkan kawasan yang agak luas dan lapang. Misalnya padang, tanah yang tidak berumput ataupun halaman rumah.

Di samping itu, jumlah bilangan pemain juga boleh mempengaruhi tempat bermain. Biasanya jika bilangan pemain adalah sedikit maka kawasan yang digunakan juga tidaklah begitu luas begitu juga sebaliknya. Permainan yang biasanya melibatkan cara bermain berpasukan kawasan yang luas diperlukan dan ia sesuai dimainkan di luar rumah.

Bagi permainan galah panjang atau main tui ini kawasan permainan yang sederhana luas diperlukan sama ada di atas tanah, kawasan yang bertar atau bersimen mahupun di atas padang. Dalam permainan ini tiada ukuran khas penetapan keluasan yang perlu dipatuhi tetapi anggaran gelanggang untuk memainkan permainan galah panjang atau main tui ini adalah antara enam hingga lapan meter lebar dan jarak bagi setiap garisan lintang gelanggang pula adalah antara tiga hingga empat meter. Manakala jumlah garisan lintang bagi awak-awak pula tidak terhad kerana jumlah garis lintangnya adalah mengikut jumlah pemain bagi setiap pasukan.

Sebagai penanda garisan bagi gelanggang yang akan digunakan untuk memainkan permainan ini pula, pemain akan menggunakan tepung atau tali jika ia hendak dimainkan di atas padang. Manakala cat pula boleh digunakan sekiranya permainan ini

Gambar di bawah menunjukkan perlawanan sedang berlangsung di sebuah padang. Kelihatan para peserta sedang bersungguh-sungguh bermain bagi memenangi perlawanan tersebut, sekali gus mendapat hadiah.



hendak dimainkan di atas gelanggang simen. Tetapi kebanyakan kanak-kanak yang ingin memainkan permainan galah panjang atau main tui ini akan melorekkan garisan tersebut di atas tanah sahaja.

Namun begitu, permainan galah panjang ini harus dikekalkan warisannya supaya ia tidak hilang di telan zaman yang semakin moden dan mempunyai pelbagai permainan yang berunsurkan permainan elektronik. Sebagai contoh permainan bola sepak juga boleh dimainkan dengan perisian komputer serta bermacam-macam permainan lagi. Sesuai dengan zaman yang digelar zaman internet dan siber.



## CARA BERMAIN

Setelah undian dijalankan maka dapatlah ditentukan pasukan yang dianggap pasukan penyerang dan juga satu kumpulan lagi akan dikenali sebagai pasukan bertahan. Sebelum permainan galah panjang atau main tui ini dimulakan, ketua pasukan penyerang yang dilantik akan menepuk tangan ketua pasukan bertahan di petak kepala gelanggang permainan. Apabila ini berlaku maka ini menandakan permainan sudah dimulakan dan awak-awak boleh mula menyerang sama ada secara individu mahupun secara beramai-ramai.

Setiap pemain yang memainkan permainan galah panjang atau main tui ini hendaklah cuba

melepasinya semua garisan yang ada di atas gelanggang sehingga ke garisan belakang sekali dan pemain tersebut perlu kembali semula sehingga ke garisan hadapan tanpa dapat dicuit atau dipegang oleh pasukan bertahan. Jika salah seorang awak-awak dari pasukan penyerang dapat dicuit oleh pasukan bertahan maka pasukan penyerang itu akan dikira mati. Maka jika ini berlaku pertukaran kedudukan akan dilakukan iaitu pasukan yang bertahan pada awal permainan akan menjadi pasukan penyerang pula dan begitu juga sebaliknya bagi pasukan yang satu lagi.




## PERATURAN BERMAIN

Permainan galah panjang atau main tui ini juga mempunyai peraturannya yang tersendiri untuk dipatuhi oleh setiap pemain dalam kedua-dua kumpulan iaitu melibatkan pasukan bertahan dan juga pasukan penyerang.


Antara peraturan yang diwujudkan dalam permainan galah panjang atau main tui ini ialah:-

- a ) Kesemua pemain dalam pasukan penyerang akan dikira atau dianggap mati jika salah seorang daripada mereka yang dikenali sebagai awak-awak dapat dicuit atau dipegang oleh pemain dari pasukan bertahan.



- b ) Pemain pasukan penyerang tidak boleh berundur sama sekali ke belakang setelah pemain tersebut melepassi garisan gelanggang. Jika pemain tersebut berundur ke belakang setelah berjaya melepassi garisan gelanggang maka, pasukan penyerang akan dianggap mati yang ini akan menyebabkan pertukaran kedudukan pasukan berlaku.
- c ) Pasukan penyerang juga akan dikira mati jika terdapat pemainnya yang terkeluar dari garisan gelanggang yang dibuat.
- d ) Manakala pasukan penyerang pula akan dikira menjadi pemenang jika salah seorang dari pemainnya atau awak-awaknya dapat melepassi kesemua garisan sehingga kembali semula ke garisan permulaan. Satu mata akan dikira atau diberikan kepada pasukan penyerang ini dan permainan akan dijalankan semula.
- e ) Akhirnya mana-mana pasukan yang dapat mengumpulkan mata yang tertinggi akan dikira memenangi permainan galah panjang atau main tui ini dalam sesuatu permainan atau perlawanan.

*PERMAINAN GALAH PANJANG*



## KESIMPULAN

Permainan Galah Panjang sebenarnya merupakan permainan yang banyak memerlukan tenaga. Selain itu ia juga memerlukan pemain-pemainnya berfikir dan bergerak pantas agar dapat melepassi setiap halangan yang ditempuhi.

Secara tidak langsung ia mendidik pemain agar sentiasa melihat keadaan sekeliling dan mencari jalan untuk melepaskan diri seterusnya menguji kekuatan fizikal para pemain. Permainan sebegini dapat mewujudkan sikap bekerjasama di kalangan pemain dalam memastikan pasukannya memenangi satu-satu perlawanan.



Khazanah yang diwarisi daripada nenek moyang oleh masyarakat Melayu telah menerbitkan satu semangat bekerjasama dan setiakawan antara masyarakat Melayu. Unsur seni dan permainan adalah keperluan asas bagi kehidupan manusia di dunia ini dan tidak memungkinkan kedua-duanya dapat dipisahkan daripada kehidupan masyarakat. Masyarakat Melayu tidak ketinggalan dalam soal ini dan mereka telah mengisi masa lapang mereka dengan berbagai-bagai kegiatan yang berfaedah setelah berpenat lelah dalam mencari rezeki untuk menyara hidup.

Galah panjang merupakan satu permainan yang tidak memerlukan modal seperti permainan zaman kini yang kebanyakannya ada yang mencecah ribuan ringgit. Permainan tradisional sebenarnya dapat menonjolkan masyarakat bangsa Melayu yang kaya dengan khazanah warisan bangsa di mata dunia. Walaupun ada sesetengah pihak yang menganggap ia permainan yang ketinggalan zaman namun sebenarnya ia mempunyai nilai yang sukar diungkapkan dengan penulisan atau kata-kata.

# PUTERI GALAH

Murid-murid Sekolah Seri Tanjung kelihatan berkumpul di hadapan bangunan sekolah. Itulah yang menjadi kebiasaan bagi murid-murid Sekolah Seri Tanjung pada tiap-tiap hari Isnin. Kelihatan para pengawas sekolah sedang mengawasi murid-murid sementara guru-guru berdiri di hadapan murid-murid. Semua murid dan guru-guru berdiri tegak apabila menyanyikan lagu kebangsaan iaitu 'Negaraku' dan juga lagu sekolah.

Setelah selesai, guru besar Sekolah Seri Tanjung memberikan ucapan untuk murid-murid pada hari itu. Terdapat seramai 15 orang guru dan 215 orang murid berada di sekolah tersebut. Ia merupakan salah sebuah sekolah yang terdapat di

daerah Manjung, Perak. Kawasan yang luas dan mempunyai pemandangan yang menghijau menjadikan sekolah itu kelihatan lebih cantik dan tenang. Di hadapan sekolah tersebut terdapat sebuah padang yang luas bagi murid-murid menjalankan aktiviti sukan yang digemari.

Salah seorang murid yang bersekolah di situ ialah Rashidah. Rashidah adalah seorang budak perempuan berumur lapan tahun dan berada dalam Darjah Lima Melor. Rashidah seorang murid yang sangat aktif bersukan. Dia merupakan anak kepada pasangan Encik Hashim dan juga Puan Halina. Rashidah merupakan anak bongsu kepada pasangan ini dan juga merupakan anak tunggal perempuan. Dia mempunyai dua orang abang yang masing-masing berada di tingkatan dua dan juga empat.

Saban hari Rashidah akan berbasikal ke sekolah. Sofea merupakan teman baik kepada Rashidah. Mereka tinggal berjiran dan setiap hari mereka akan ke sekolah bersama-sama. Rashidah menggemari sukan yang lasak iaitu lebih-lebih lagi permainan yang sering dimainkan oleh kanak-kanak lelaki. Apa sahaja permainan yang dimainkan oleh abang-abangnya dia juga turut berminat. Berlainan pula dengan Sofea yang menggemari bermain permainan yang sesuai dengan kanak-kanak perempuan seperti bermain anak patung dan

sebagainya.

Walaupun mereka berdua rapat namun mereka mempunyai hobi yang berlainan. Sofea lebih suka duduk di rumah sambil bermain anak patung dan juga membaca buku. Manakala Rashidah pula lebih gemar bermain basikal dan bola sepak. Semua murid-murid Darjah Lima Melor tahu akan perangai Rashidah. Walaupun begitu Rashidah seorang yang baik hati dan dia tidak pernah menyakiti hati sesiapa terutama Sofea, kerana itu Sofea gemar berkawan dengannya.

Apabila abang-abangnya pulang dari sekolah, Rashidah akan mengajak mereka bermain bola di hadapan rumah mereka. Kedua-dua ibu bapa Rashidah sebenarnya berasa bimbang melihat anak perempuan mereka yang lebih bersifat seperti seorang lelaki. Namun, Rashidah tidak pernah mengendahkan apa yang dikatakan oleh orang lain. Baginya hobinya itu adalah haknya.

“Rashidah, cuba kamu baca buku di rumah, ada juga faedahnya. Ini tidak, asyik bermain sahaja. Peperiksaankan sudah hampir tiba,” ibu Rashidah mengingatkan Rashidah.

“Periksa lambat lagi, nanti bila dah hampir Shidah akan baca buku. Selepas ini, ada cerita bagus di televisyen, Shidah nak tengok cerita tu dulu. Lepas tu, barulah Shidah baca buku ya, bu,” balas Shidah sambil menonton televisyen. Dalam masa yang

sama dia juga mendengar radio.

"Apalah yang hendak jadi dengan kamu ini. Cuba tengok Sofea tu, lepas balik sekolah sahaja dia pergi mengaji.., lepas tu dia belajar," Puan Halina memandang anak perempuannya. Namun, percakapannya itu langsung tidak disahut oleh Rashidah. Ini kerana ketika itu Rashidah asyik mendengar radio.

Kemudian, Puan Halina hanya menggeleng-gelengkan kepalanya. Selepas itu dia terus berlalu menuju ke dapur. Puan Halina menggoreng pisang dan juga membuat air untuk hidangan pada petang itu sambil menunggu kepulangan Encik Hashim iaitu ayah Rashidah dari tempat kerja. Sementara Halim dan juga Harun abang kepada Rashidah masih belum pulang dari menghadiri kelas tambahan di sekolah.

"Assalamualaikum...," kedengaran suara memberi salam di halaman rumah Rashidah. Puan Halina menuju ke halaman rumah.

"Waalaikumsalam..., oh! Mak Timah. Masuklah dulu, Mak Timah. Saya ingatkan siapa tadi," pelawa Puan Halina menjemput Mak Timah masuk.

"Tak apalah, Lina. Sengaja aku singgah sekejap. Ini ada aku bawakan kuih tepung dalam kegemaran Rashidah. Sofea yang minta aku berikan," balas Mak Timah sambil menghulurkan sepiring pinggan yang mengandungi kuih dalam iaitu kuih

kegemaran Rashidah.

"Buat susah-susah saja, Mak Timah. Sofea ke mana?" tanya Puan Halina.

"Dia pergi ke rumah Tok Su hantar kuih. Kemudian katanya hendak pergi ke rumah Jamilah untuk memulangkan buku," terang Mak Timah. Setelah itu, Mak Timah pun meminta diri untuk pulang.

Puan Halina membawa kuih tersebut ke dalam dan melihat Rashidah yang sedang tidur. Dia hanya memandang Rashidah sambil tersenyum. Dalam hatinya selalu tertanya-tanya mengapalah anaknya Rashidah tidak seperti Sofea dan juga kanak-kanak perempuan yang lain.

Beberapa minit kemudian, kedengaran bunyi kereta masuk ke perkarangan rumah. Puan Halina meluru ke pintu kerana suaminya Encik Hashim sudah pulang. Dari perkarangan rumah kelihatan Encik Hashim tersenyum apabila melihat isterinya menyambut kepulangannya.

Puan Halina mencapai beg dan mempelawa suaminya minum. Kemudian dalam masa yang sama, matanya melilau mencari Rashidah. Apabila didapati Rashidah sedang tidur, dia pun bertanya kepada isterinya, "Letih benar abang tengok Shidah ini. Dia pergi bermain bola lagi ke?"

"Tak adalah. Petang ini baik pula dia tak keluar.., tetapi itulah asyik menonton televisyen dan

mendengar radio sahaja. Bila saya suruh dia baca buku ada sahaja alasannya," jawab Puan Halina kemudian terus menuju ke dapur untuk menyiapkan minuman petang.

Encik Hashim pula segera menuju ke tingkat atas untuk mandi dan menunaikan solat Asar. Setelah selesai, Hashim turun semula dan menuju ke dapur. "Saya ingat cuti sekolah ini, hendak balik ke kampung. Sudah lama kita tidak balik ke kampung. Apa pendapat awak?" tanya Encik Hashim memandang isterinya.

"Saya ikut sahaja, bang. Lagipun budak-budak ini sudah lama tidak bercuti ke kampung. Sesekali elok rasanya kita bawa mereka menghirup suasana kampung," balas Puan Halina sambil menuang air di dalam cawan sambil menghulurkan pisang goreng.

Sementara itu, kedengaran pintu dikuak perlahan dan kelihatan Halim dan juga Harun baru pulang dari menghadiri kelas tambahan. "Mari minum Halim, Harun," pelawa Puan Halina dan juga Encik Hashim.

"Terima kasih, ibu.., ayah. Kami mahu mandi dahulu, selepas itu kami akan turun minum," jawab dua beradik itu.

Rashidah masih lagi terlena di buai mimpi. Nyenyak sungguh dia pada petang itu kerana keletihan. Setelah selesai menunaikan solat Asar, Halim dan Harun pun turun untuk menikmati

minuman petang bersama ayah dan ibunya. Mereka melihat Rashidah masih berada di hadapan televisyen sambil radio terpasang. Mereka berdua hanya tersenyum memandang adik perempuan mereka.

"Shidah tidak bangun minumkah, bu?" tanya Halim.

"Biarkanlah dia. Letih sangat agaknya. Tadi ibu suruh baca buku, tapi dia terus tidur. Tak tahu lah apa hendak jadi dengan adik kau ini," balas Puan Halina memandang pada Hashim.

"Janganlah awak cakap macam tu. Kalau Shidah dengar, tentu dia kecil hati. Itulah satu-satunya anak perempuan kita. Baik buruk pun dia tetap anak kita," sampuk Encik Hashim.

"Itu saya tahu, bang. Tapi hati ibu mana yang tidak risau kalau sikap anak perempuannya tidak macam anak perempuan orang lain. Shidah ni lasak sangat. Saya bimbang perangainya terbawa-bawa sampai ke dewasa. Sekarang ni tak apalah masih kecil, esok kalau dia masuk sekolah menengah bagaimana?"

"Bila besar nanti, tahulah dia fikir mana yang baik dan mana yang tidak untuk dirinya. Janganlah awak bimbang sangat. Lagipun, selama ini keputusan peperiksaannya tidak pernah mengecewakan kita. Sudahlah nanti kalau dia bangun suruh dia pergi mandi," kata Encik Hashim akhirnya.

"Ayah, pada minggu hadapan peperiksaan akan bermula. Halim fikir Halim mahu ikuti kelas tambahan pada waktu malam di taman sebelah."

"Kelas tambahan di mana?" Encik Hashim bertanya.

"Di rumah Cikgu Samad, di Taman Permai sebelah sana. Semua kawan Halim sudah bersetuju untuk mengikutinya," balas Encik Halim.

"Baiklah. Tapi ingat..., mesti belajar bersungguh-sungguh. Selepas sahaja kelas tambahan tamat, terus balik ke rumah. Jangan nak merayap tak tentu fasal, tahu tak. Sekarang ini, ayah tengok ramai budak sekolah suka melepak di simpang-simpang jalan. Itukan tak elok, membuang masa sahaja," Encik Hashim mengingatkan.

"Jangan bimbang, ayah. Halim akan terus pulang ke rumah. Lagipun, Jamal akan bersama Halim pergi ke kelas tambahan itu. Jadi tidaklah Halim keseorangan," balas Halim meyakinkan ayahnya.

Puan Halina pula memandang Harun yang sejak dari tadi tunduk diam. "Kenapa dengan kau hari ni, Harun? Ibu tengok lesu sahaja kamu. Penat ke?" tanya Puan Halina pada anak lelakinya yang bongsu.

"Entahlah, ibu. Sejak balik dari kelas tadi, badan Harun rasa tak selesa sahaja. Kepala pula macam berat sahaja."

Puan Halina terkejut lalu mendekati Harun dan memegang dahi Harun. "Panas badan kamu ini,

Harun. Demam agaknya. Bang saya rasa elok kita bawa Harun ke klinik. Saya takut kalau-kalau dia kena demam denggi pula. Maklumlah pada minggu lepas anak Mak Gayah dimasukkan ke hospital kerana demam denggi," kata Puan Halina.

Encik Hashim mendekati Harun dan memegang dahi Harun. "Yalah, panas badan kamu ini, Harun. Mari ayah hantar ke klinik sebelum demam kamu ini melarat," kata Encik Hashim, kemudian dia segera mengambil kunci kereta dan membawa Harun ke klinik yang berhampiran.

"Musim demam denggi ke sekarang ini, ibu?" tanya Halim.

"Ya, anak Mak Gayah dimasukkan ke hospital pada minggu lepas. Sejak itu, setiap petang ada sahaja Pegawai Kementerian Kesihatan datang untuk menyembur sekeliling rumah supaya nyamuk aedes tidak membiak. Hujung minggu ini, kamu kena tolong ibu membersihkan kawasan belakang rumah kita," Puan Halina memberikan cadangan.

"Baiklah, ibu. Nanti saya bantu, ibu. Petang ini saya bercadang untuk pergi bermain bola sepak dengan kawan-kawan. Sebelum Maghrib, saya akan pulang," Halim meminta izin daripada ibunya.

"Baiklah tetapi jangan lewat pula," balas ibunya.

"Shidah nak ikut abang pergi tengok bola sepak, ibu," tiba-tiba Rashidah muncul di muka pintu dapur.

"Alamak, bila masa pula dia bangun. Tak dapatlah aku pergi bermain," kata Halim.

Rashidah menggosok matanya dan memandang pada ibunya.

"Shidah kena mandi dahulu. Shidahkan baru bangun. Semua orang sudah minum petang. Shidah minumlah dulu bersama ibu, ya," pujuj Halim.

"Shidah tak mahu minum, Shidah hendak ikut abang tengok bola," balas Rashidah.

Puan Halina hanya menggelengkan kepalanya memandang Rashidah. "Bawalah adik kamu tu pergi tengok bola. Nanti dia pergi sendiri lagi bahaya," kata Puan Halina memandang Halim yang menggarugaruh kepalanya yang tidak gatal.

Rashidah berasa gembira kerana dia dapat mengikut Halim untuk melihat permainan bola sepak. Selepas selesai minum petang Halim pun membawa Rashidah bersamanya ke padang permainan yang berhampiran. Sampai sahaja di padang kelihatan kawan-kawan Halim sedang berkumpul dan bersiap sedia untuk bermain.

"Tengok tu.., Halim datang bawa adik dialah," kata Ramu sambil menuding jari ke arah Halim yang sedang menongkat basikalnya. Mereka yang ada semuanya memandang ke arah Halim. Halim menuju ke arah kawan-kawannya sambil diikuti oleh Rashidah. Semua kawan Halim mengenali Rashidah dan tahu perangai Rashidah yang gemar

bermain permainan yang dimainkan oleh kanak-kanak lelaki. Namun mereka menyenangi sikap Rashidah yang ramah.

"Maaf.., sebab aku lambat. Tadi aku minum dahulu di rumah. Selepas itu adik aku ini pula hendak ikut. Marilah kita main bola sekarang. Ibu aku dah pesan jangan balik lambat," kata Halim.

Rashidah hanya memandang abangnya dan dia duduk di tepi padang memerhatikan Halim bermain bola. Sesekali dia bersorak apabila pasukan abangnya berjaya menjaringkan gol.

Sebelum lewat petang, Halim pun pulang bersama Rashidah kerana dia telah berjanji untuk pulang awal. Pada malam itu juga, Halim perlu pergi ke kelas tambahan yang diadakan oleh Cikgu Samad.

Puan Halina yang berada di dapur sibuk menyediakan hidangan makan malam. Itulah rutin harian Puan Halina sebagai seorang isteri dan ibu kepada 3 orang anak. Baginya itulah pengorbanan yang dapat dilakukan untuk suami dan anak-anaknya. Pada malam itu, Puan Halina memasak lauk kegemaran Shidah iaitu masak asam pedas ikan sembilang. Harun yang baru pulang dari klinik bersama ayahnya kelihatan lesu. Harun cuma demam biasa sahaja. Doktor juga memberikan rehat selama dua hari untuknya.

Rashidah pula ketika itu sibuk menyiapkan

kerja sekolahnya. Sementara ayahnya pula sedang membaca surat khabar.

“Marilah kita makan. Hidangan sudah tersedia,” ajak Puan Halina muncul di muka pintu sambil memandang suaminya, serta ketiga-tiga orang anaknya. Pada malam itu mereka sekeluarga makan dengan berselera sekali.

“Pada cuti sekolah nanti, ayah bercadang hendak membawa kamu semua balik ke kampung, di Johor,” tiba-tiba Encik Hashim bersuara.

“Balik kampung.., ayah. Seronoknya,” sampuk Rashidah.

Pada malam itu, Rashidah kelihatan begitu gembira. Rashidah sudah lama tidak balik ke kampung. Rashidah masih ingat lagi suasana yang mendamaikan di mana berhampiran rumah datuknya masih terdapat tumbuh-tumbuhan menghijau di kiri dan kanan jalan. Di seberang rumah datuknya juga terdapat sebuah air terjun yang sangat sejuk airnya. Cuma satu sahaja yang dia tidak berapa gemar iaitu kanak-kanak di sana lebih gemar bermain permainan berbentuk tradisional. Baginya, permainan itu sungguh membosankan.

Pernah juga Rashidah cuba untuk bermain komputer dan juga bermain dengan anak patung yang dibeli ayahnya, tetapi dia tidak berminat kerana baginya cukup membosankan. Pernah suatu hari dia membakar anak patung yang baru dibeli oleh

ayahnya kerana terlalu bosan dengan permainan tersebut. Semenjak itu ayahnya tidak lagi membelikan permainan anak patung untuknya.

Rashidah bercadang untuk menghabiskan masa cuti nanti di kampung bersama datuknya. Dia tahu datuknya akan mengajaknya menjala ikan dan mencari akar kayu di tepi hutan. Itulah yang Rashidah gemar. Sambil menikmati panorama kampung dan melihat keindahan serta bermain di tepi sawah sambil melihat burung yang berterbang. Apabila malam menjelma pula, kedengaran deruan air terjun dan bunyi unggas yang seolah-olah menyambut akan kedatangannya. Apabila terkenangkan semua itu, Rashidah sudah tidak sabar lagi untuk pulang ke kampung.

Berlainan pula dengan sikap Halim dan juga Harun yang lebih seronok untuk bercuti di bandar. Apabila ayahnya memberitahu akan pulang ke kampung, Halim dan Harun hanya mencezik. Bagi mereka suasana di kampung amat membosankan. Di sana tiada kemudahan seperti di bandar. Mereka juga tiada teman untuk bermain. Tambahan pula di kampung tiada permainan komputer seperti di rumahnya. Tetapi mereka tidak berani membantah disebabkan itu adalah cadangan daripada ayahnya.

"Abang suka ke kalau kita balik ke kampung datuk?" tanya Harun.

"Nak kata suka tu taklah sangat tetapi, nak

buat macam mana," keluh Halim.

"Harun pun tak suka sebenarnya. Nenek tu kuat sangat membebek. Kalau kita tengok televisyen lama sikit katanya pemalaslah. Asyik suruh tidur awal sahaja," Harun menambah.

"Apa kata kita cari alasan supaya hanya ibu, ayah dan juga Rashidah sahaja yang balik ke kampung. Kita berdua tinggallah di rumah. Bolehlah kita pergi bermain bola sepak setiap petang. Kalau di kampung kita tak ada kawan untuk bermain," cadang Halim.

Dalam diam-diam Rashidah mendengar perbualan kedua-dua abangnya dan dengan perlahan dia turun ke bawah untuk membaca buku. Dia bercadang untuk memberitahu ayahnya akan cadangan kedua-dua abangnya itu.

Rashidah mahu kedua-dua abangnya turut bersamanya pulang ke kampung datuknya. Jika Halim dan juga Harun tidak pulang ke kampung Rashidah akan berasa kesunyian.

Dia juga bercadang untuk memberitahu Sofea akan cadangan ayahnya untuk pulang ke kampung. Rashidah juga tahu tentu Sofea juga mempunyai cadangan untuk menghabiskan cuti sekolahnya bersama keluarganya.

Pada malam itu Shidah tidur awal kerana keesokannya dia perlu ke sekolah. Setelah selesai membuat kerja sekolahnya Shidah pun masuk tidur.

Jam loceng sudah berbunyi menandakan masa untuk bersiap-siap ke sekolah. Rashidah menggeliat di atas katilnya. Puan Halina tersenyum melihat gelagat anak perempuannya. Setelah memandikan Rashidah, Puan Halina pergi pula mengejutkan kedua-dua anak lelakinya.

Puan Halina menggeleng-gelengkan kepalanya. "Sudah besar panjang pun masih perlu dikejutkan lagi," Puan Halina berkata sendirian. "Halim, Harun bangun. Sudah pukul 6.30. Nanti terlewat pula sampai ke sekolah. Bangun cepat, pergi mandi. Selepas itu sarapan," arah Puan Halina mengejutkan Halim dan juga Harun. Halim dan Harun menggeliat sambil bangun mencapai tuala.

"Sejuklah ibu, malas pula hendak mandi," Harun menguap panjang.

"Jangan hendak mengada-ngada, Harun. Sudah besar panjang pun masih malas mandi pagi," kata Puan Halina kemudian turun ke bawah untuk menyiapkan sarapan pagi. Kelihatan Encik Hashim sedang bersiap-siap untuk pergi ke pejabat.

"Sudahkah kamu siapkan sarapan pagi?" tanya Encik Hashim.

"Sudah, bang. Abang sarapanlah dulu. Jangan tunggu budak-budak tu..., nanti abang lewat pula sampai di tempat kerja," Puan Halina menuangkan air ke dalam cawan.

Tidak lama selepas itu, kelihatan Rashidah

turun sambil membawa beg sekolahnya. Dia duduk di hadapan ayahnya dan mengambil sepiring mee. Dia makan dengan begitu berselera.

"Mana Halim dan Harun belum bangun lagi ke?" tanya Encik Hashim.

"Sudah saya kejutkan tadi, sekejap lagi turunlah tu," Puan Halina duduk sambil menuap Rashidah.

"Ayah, betul ke cuti sekolah nanti kita balik kampung, ayah?" tanya Rashidah.

"Ya, kenapa pula? Shidah tak suka ke?" tanya ayahnya.

"Eh, sudah tentu Shidah suka. Shidah boleh mandi air terjun dan tangkap ikan dengan datuk. Shidah sudah lama tidak makan ikan asam yang nenek buat," kata Shidah tersenyum memandang ayah dan juga ibunya.

Sementara itu kelihatan Halim dan juga Harun turun sambil membawa beg masing-masing.

"Ha! Kamu berdua,,, cepat bersarapan pagi. Sudahlah liat untuk bangun pagi nanti lewat pula sampi ke sekolah," kata Encik Hashim memandang kedua-dua anak lelakinya.

Halim dan Harun segera turun dan makan dengan cepat. Mereka bimbang akan lambat pergi ke sekolah.

Kelihatan murid-murid Darjah Lima Melor sibuk mengemaskan bilik darjah mereka sebelum

kelas bermula. Rashidah juga turut membantu Sofea menyapu sampah agar bilik darjah mereka kelihatan bersih. Kebanyakan murid-murid lelaki pula sedang sibuk mengelap tingkap dan menyusun meja serta kerusi kerana pada hari itu mereka akan menerima seorang guru kelas baru untuk kelas mereka. Ini kerana guru kelas mereka iaitu Cikgu Hamzah telah bertukar ke sekolah lain.

"Sofea, kamu rasa cikgu baru kita ni lelaki atau perempuan?" Rashidah bertanya.

"Tak tahu lah. Tetapi yang aku dengar cikgu perempuan," kata Sofea sambil meneruskan kerjanya.

"Alah,,, kalau begitu lecehlah, sebab biasanya cikgu perempuan ni garang," balas Rashidah sambil memandang Sofea.

"Tidak semua begitu. Cuba tengok Cikgu Sarina dan Miss Wong tak garang pun," Sofea tersenyum. Mereka berdua berpandangan dan sama-sama tersenyum.

Tidak lama selepas itu, loceng sekolah pun berbunyi menandakan murid-murid perlu memasuki kelas masing-masing bagi memulakan pelajaran pada hari itu. Semua murid di dalam Darjah Lima Melor kelihatan gelisah menantikan guru baru. Masing-masing berasa berdebar-debar. Sepuluh minit kemudian, kelihatan guru besar datang bersama seorang guru perempuan memasuki kelas

Rashidah.

"Bangun, semua! Selamat pagi, cikgu!" Daud bangun memberikan ucapan selamat kepada guru besar dan diikuti oleh semua murid-murid yang lain.

"Selamat pagi, semua. Sila duduk. Pada hari ini, seperti mana yang kamu semua tahu, Cikgu Hamzah telah bertukar mengajar ke sekolah lain. Jadi, kita patut berbangga kerana setelah Cikgu Hamzah telah berpindah, kita mendapat penggantinya, saya perkenalkan, Cikgu Faridah," jelas guru besar sambil memandang ke arah perempuan yang berada di sisinya.

"Selamat pagi, murid-murid. Nama cikgu Faridah Binti Ahmad. Kamu semua boleh panggil Cikgu Faridah. Saya akan menggantikan Cikgu Hamzah menjadi guru kelas kamu. Saya berharap kita semua dapat bekerjasama dengan baik," kata Cikgu Faridah sambil tersenyum. Selepas itu, guru besar pun meminta izin keluar dan meninggalkan Cikgu Faridah bersama murid-muridnya. Selepas itu, sesi perkenalan bermula.

"Baiklah pada hari ini, saya akan memulakan pelajaran kita dengan pelajaran Bahasa Melayu. Pada hari ini, kita akan memahami tentang permainan tradisional ataupun permainan kanak-kanak. Ada sesiapa di sini yang boleh berikan cikgu contoh mengenai permainan kanak-kanak?" tanya Cikgu Faridah memandang anak-anak muridnya satu

persatu. Semua murid tunduk membisu. Rashidah mengangkat tangan ingin mencuba.

"Boleh saya cuba, cikgu," Rashidah bangun dan berdiri.

"Boleh, silakan,"

"Permainan kanak-kanak yang saya tahu seperti permainan guli dan galah panjang, cikgu," jawab Rashidah.

"Bagus, itu adalah antara permainan kanak-kanak yang masih popular sehingga hari ini. Kamu boleh duduk. Baiklah cikgu mahu kamu tuliskan sebuah karangan mengenai pengalaman kamu bermain permainan tradisional ini dan hantar pada cikgu minggu hadapan," balas Cikgu Faridah dan kembali duduk lalu menyiapkan ringkasan kerjanya. Sementara murid-murid membincangkan mengenai karangan yang bakal mereka karang nanti.

Setelah beberapa jam berlalu, loceng sekali lagi berbunyi menandakan waktu rehat tiba. Rashidah dan Sofea berjalan bersama-sama menuju ke padang sekolah kerana mereka berdua sentiasa membawa bekal yang disediakan oleh ibu masing-masing. Rashidah dan Sofea berehat di bawah sebatang pokok.

"Apa rancangan kamu semasa cuti sekolah nanti, Sofea?" tanya Rashidah.

"Emak dan ayah aku bercadang hendak membawa kami berkelah di pantai Port Dickson.

Tapi, itu cuma rancangan sahaja. Semuanya bergantung pada ayah aku. Kalau ayah aku dapat cuti, kami sekeluarga akan bercuti di sana," jawab Sofea. "Kamu pula pergi ke mana Shidah. Tentu kamu ada rancangan yang baik," Sofea memandang Rashidah yang sedang memakan roti.

"Oh! Pada musim cuti sekolah ini, ayah bercadang untuk membawa kami sekeluarga balik ke kampung datuk di Johor," balas Rashidah tersenyum.

"Tentu seronok bercuti di kampung. Sekarang aku tiada lagi datuk dan nenek di kampung. Mereka telah meninggal dunia beberapa tahun yang lalu," Sofea membalas.

"Memang seronok, Sofea. Di kampung aku, ada air terjun, tumbuh-tumbuhan menghijau dan juga sawah padi yang terbentang luas. Semasa aku balik ke kampung tahun lalu padi sedang menguning. Jadi aku sempat bersama datuk menuai padi. Kalau kamu hendak ikut, marilah," pelawa Rashidah.

"Tak apalah, Shidah. Lagipun kami sudah bercadang untuk pergi bercuti. Kalau tidak, boleh juga aku mengikut kamu balik ke kampung kamu. Ha! Jangan lupa bawa buah-buahan kampung untuk aku, ya," kata Sofea mengingatkan Rashidah.

"Kamu ini Sofea tak ada lain asyik fikir makan, makan, makan," balas Rashidah.

Kemudian mereka pun bangun untuk kembali

semula ke kelas bagi menyambung pelajaran mereka pada hari itu. Sementara itu, Halim dan juga Harun masih mencari helah supaya mereka tidak balik ke kampung. Ini kerana rakan-rakan mereka bercadang untuk pergi menyertai ekspedisi mendaki Gunung Angsi pada musim cuti sekolah yang akan tiba. Ekspedisi ini adalah anjuran Kelab Sukan dan Rekreasi sekolah mereka. Ramai pelajar yang telah mendaftar untuk menyertainya.

"Bagaimana, bang? Saya teringin hendak menyertai ekspedisi ini. Kalau ibu dan ayah tahu mesti mereka tidak bersetuju," Harun bertanya kepada Halim.

"Itu yang abang sedang fikirkan ni. Kalau kita beritahu ayah sudah pasti ayah tidak bersetuju. Begini.., apa kata kalau kita beritahu ayah dan juga ibu yang pihak sekolah mengadakan kelas tambahan. Jika kita beri alasan ini, sudah tentu ayah tidak akan membawa kita berdua balik ke kampung," cadang Halim.

"Itu satu cadangan yang baik. Tetapi bagaimana kalau ayah tahu yang kita berbohong?" Harun kelihatan bimbang.

"Janganlah kamu bimbang. Nanti kita berpaktatlah dengan Jamal. Sudah tentu ayah akan bertanya kepada Jamal. Kita minta Jamal beritahu mengenai kelas tambahan tu, faham!" Halim tersenyum riang. Cadangannya untuk tidak mengikut

ayah dan ibunya balik ke kampung diharapkan menjadi kenyataan.

Di rumah, Puan Halina sibuk mengemasakan pakaian yang akan dibawa balik ke kampung. Maklumlah seminggu mereka akan berada di sana. Pada minggu hadapan cuti sekolah akan bermula. Lusa mereka akan pulang ke kampung. Beberapa beg yang sarat berisi pakaian kelihatan di tepi bilik. Encik Hashim hanya memerhatikan gelagat Puan Halina.

"Berapa beg yang kamu hendak bawa? Abang tengok dari tadi tak selesai-selesai. Pakaian kita berdua tak perlulah banyak sangat, bukannya tak boleh basuh," kata Encik Hashim tersenyum memandang isterinya.

"Bukan apa, bang. Ini saya kumpulkan bajubaju yang saya tak boleh pakai lagi. Saya bercadang untuk menghantarnya ke rumah anak-anak yatim. Semua baju ini elok lagi cuma badan saya ni dah tak boleh terima."

"Itulah buat baju berfesyen-fesyen. Bila badan dah naik memanglah tak muat," kata Encik Hashim.

"Kita kalau buat baju kenalah ikut peredaran zaman, bang. Kalau saya tak ikut abang juga yang malu. Nanti orang kata, isteri Hashim tak pandai bergaya. Walaupun saya duduk di rumah sahaja, saya juga kena pandai bergaya, bang," terang Puan Halina meneruskan mengemas pakaian-pakaian

yang lama.

"Mana perginya budak-budak semua? Dari tadi lagi senyap saja rumah ni," Encik Hashim bertanya.

"Biasalah, bang, lepas balik sekolah sahaja Shidah pergi ke rumah Sofea buat kerja sekolah. Halim dan Harun pula pergi bermain bola sepak. Kalau tak ada kerja sekolah mahu rasanya Shidah tu ikut abang-abangnya tengok bola sepak."

"Sudah itu minat dia, apa yang kita hendak tegah pula. Bila besar nanti tahulah dia mana yang sesuai untuknya. Jangan kamu tegah pula nanti kecil hati anak perempuan tunggal kita tu. Lagipun Shidah tu tak pernah membantah cakap kita," kata Encik Hashim dan meneruskan membaca surat khabar.

Beberapa minit kemudian, kelihatan Rashidah pulang. Puan Halina menyuruh Rashidah mandi sebelum tiba waktu makan malam. Halim dan Harun sudah selesai mandi dan mereka sedang menonton televisyen.

"Rugilah hari ni tak ada orang ikut kita tengok bola," kata Harun menjeling Rashidah.

"Apa! Abang pergi main bola? Kenapa tak bawa Shidah bersama. Kalau Shidah tahu tak adalah Shidah pergi ke rumah Sofea," balas Shidah mencebikkkan mulutnya.

"Sengaja kami tak nak bawa adik. Adik tu kan budak perempuan. Elok duduk kat rumah je. Bola

sepak ni permainan untuk budak lelaki tau. Mana ada budak perempuan main bola sepak. Buat malu je," Halim mencela.

"Alah kalau tak mahu bawa, tak apa. Lain kali Shidah akan pergi sendiri. Lusa kita balik kampung, Shidah nak main bola puas-puas," balas Rashidah sambil menjeling.

Apabila mendengar tentang cadangan balik ke kampung, Halim dan Harun saling berpandangan. Mereka ingin memberitahu ayah mereka tentang kelas tambahan yang akan dibuat di sekolah sempena cuti sekolah ini. Mereka berdua tidak mahu pulang ke kampung.

"Macam mana ni bang? Jadi ke, nak beritahu ayah tentang rancangan kita tu?" tanya Harun.

"Eh, mestilah. Kalau tak, macam mana kita hendak pergi panjat gunung," kata Halim berbisik.

"Saya takutlah, bang. Nanti kalau ayah dapat tahu kita berbohong, habislah.." balas Harun kelihatan bimbang.

"Kalau kamu tak beritahu perkara sebenar, tak ada sesiapa yang akan tahu. Lagipun, kita sudah berpakat dengan Jamal. Apa yang hendak dibimbangkan," Halim meyakinkan Harun.

Puan Halina mencedok nasi ke pinggan Rashidah. "Jangan banyak sangat, ibu. Petang tadi Shidah makan mee goreng di rumah Sofea. Sekarang masih terasa kenyang lagi," Rashidah

memandang ibunya.

"Hai, makan sikit sahaja. Macam mana nak tendang bola nanti kalau tak makan banyak," Harun mengusik. Shidah hanya menjeling kepada Harun. Memang itulah sikap Harun yang suka mengusik adik perempuannya. Namun, di sudut hatinya dia begitu menyayangi Rashidah.

"Kamu ni kalau sehari tidak mengusik adik kamu, tak boleh ke?" Puan Halina menjeling Harun. Harun tunduk membisu. Sementara itu, Halim memberikan isyarat kepada Harun untuk memberitahu ayahnya mengenai rancangan yang telah mereka rancangkan.

"Ayah! Boleh tak jika kami berdua tidak ikut balik ke kampung?" tanya Harun.

"Kenapa pula?" balas Encik Hashim.

"Begini ayah, pihak sekolah akan mengadakan kelas tambahan semasa cuti sekolah yang akan tiba ini. Jadi, rugilah kalau kami tidak mengikuti kelas tambahan tersebut," terang Halim. Dia tidak sabar-sabar menunggu reaksi daripada ayahnya.

"Jadi kamu berdua hendak tinggal di rumah? Kalau ada sesuatu yang terjadi nanti, bagaimana?" Puan Halina kelihatan cemas.

"Janganlah ibu bimbangkan. Lagipun Jamal akan menemani kami sepanjang ayah dan ibu tiada. Kalau ada apa-apa nanti kami akan tidur di rumah Jamal," Halim meyakinkan ibunya.

Rashidah yang dari tadi memerhatikan gelagat kedua-dua orang abangnya, hanya mencebikkan mulutnya. Rashidah tahu yang mereka berdua sengaja mencari alasan untuk tidak balik ke kampung. Rashidah hanya mendiamkan diri. Baginya jika kedua-dua orang abangnya tidak mahu ikut balik ke kampung, dia tidak kisah. Asalkan ibu dan ayahnya tidak membatalkan rancangan untuk bercuti ke kampung.

Keesokan paginya, kelihatan Puan Halina sibuk mengemas rumah kerana pada hari itu, mereka akan bertolak untuk balik ke kampung. Encik Hashim pula sedang memeriksa keretanya. Dia perlu memastikan enjin keretanya berada dalam keadaan yang baik dan selamat. Ini kerana, perjalanan untuk balik ke kampung mengambil masa yang lama.

Rashidah sejak awal pagi lagi telah bangun. Dia kelihatan begitu gembira kerana pada hari itu dia akan berjumpa dengan datuk dan neneknya. Sudah lama dia tidak balik ke kampung. Halim dan Harun pula masih lagi berdengkur di atas katil. Cadangan mereka untuk tidak mengikuti ayah dan ibunya pulang ke kampung akhirnya berjaya. Mereka akan mengikuti ekspedisi memanjat Gunung Angsi yang dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi di sekolah mereka.

Rashidah sudah bersedia dengan begnya dan juga buku-buku sekolah yang perlu dibawa untuk

dia mengulang kaji pelajarannya nanti. Puan Halina mengejutkan Halim dan Harun. "Halim, Harun..., bangun! Ibu dan ayah hendak bertolak ni. Kamu berdua jangan lupa kunci pintu rumah apabila kamu keluar. Pastikan semua tingkap ditutup rapat, faham," Puan Halina mengingatkan Halim dan Harun.

"Baiklah, ibu. Janganlah ibu bimbang. Kalau dah sampai nanti ibu telefon ya," balas Harun.

Sepanjang perjalanan, Rashidah hanya memerhatikan keadaan sekeliling. Kelihatan kereta berderet di sepanjang lebuh raya yang mereka lalui. Apabila berasa letih Rashidah terus tidur. Setelah beberapa jam berada di atas jalan raya, Encik Hashim berhenti di perhentian rehat untuk makan tengah hari dan berehat. Puan Halina yang duduk di hadapan juga kelihatan letih. Rashidah yang baru bangun dari tidur kelihatan menggosok-gosokkan matanya sambil menggeliatkan badannya.

Setelah makan dan berehat, mereka meneruskan perjalanan semula. "Lama lagi ke kita nak sampai ke kampung, ayah?" tanya Rashidah.

"Tidak lama lagi, Shidah. Lebih kurang sejam lagi, kita sampailah," jawab Encik Hashim.

Setelah sejam berlalu, maka tiba-tiba mereka di kampung asal Encik Hashim iaitu Kampung Indah di daerah Muar. Rashidah melihat banyak pokok kelapa seakan-akan sedang melambai-lambai menyambut kedatangan mereka sekeluarga.

Banyak rumah-rumah kampung yang cantik di sepanjang jalan yang kesemuanya kelihatan bersih dan damai sungguh. Rashidah berasa sangat gembira melihat keadaan kampung yang begitu menenangkan dan melapangkan fikirannya. Tidak seperti di bandar yang keadaannya begitu sibuk dengan bunyi dan juga kenderaan yang banyak serta pencemaran udara yang teruk.

Tidak lama kemudian, sampailah mereka di rumah datuk Rashidah. Kelihatan ibu kepada Encik Hashim tersenyum menyambut kedatangan Rashidah. "Balik juga cucu nenek, ya. Sudah besar panjang dia. Tinggi macam ayahnya juga," Nek Minah mencium pipi Rashidah. Puan Halina dan Encik Hashim bersalam dengan Nek Minah sambil mengangkat beg yang mereka bawa.

"Atuk mana, nek?" tanya Shidah.

"Atuk kamu pergi menjala ikan. Dia tahu kamu suka makan ikan sembilang, sebab itulah dia pergi menjala bersama Pak Cik Hamid kamu. Sekejap lagi baliklah tu," jawab Nek Minah.

Kemudian dia memandang anaknya dan berkata, "Hashim! Pergi bawa barang-barang kamu masuk. Mak sudah siapkan minum petang. Kamu berdua pergi mandi dahulu sementara menunggu ayah kamu balik."

"Terima kasih, mak," jawab Encik Hashim sambil tersenyum.

"Shidah nak temankan nenek cari pucuk ubi, tak?" tanya Nek Minah tersenyum memandang cucu perempuannya yang kelihatan begitu gembira melihat pemandangan sekeliling.

"Nak," jawab Rashidah ringkas.

Sampai sahaja di kebun Shidah melihat banyak sayuran yang ditanam oleh neneknya. Terdapat pokok tomato, petola, terung dan sebagainya. "Nenek tanam semua ni?" tanya Rashidah.

"Yalah, daripada tanah ini terbiar, lebih baik nenek tanam sayur-sayuran. Dapat juga hasilnya. Jadi, tak perlulah nenek dan atuk membeli sayur lagi," jawab Nek Minah.

"Eh..., cucu atuk dah sampai," tiba-tiba Tuk Musa muncul di belakang Rashidah.

"Eh..., atuk. Apa khabar, tuk?" Rashidah mencium tangan datuknya.

"Baik. Kamu sihat, Shidah?" Tuk Musa bertanya kembali.

"Sihat, tuk. Abang Halim dan Abang Harun kirim salam pada atuk dan nenek," balas Shidah.

"Mereka tidak ikut sekali ke?" Tuk Musa memandang Nek Minah.

"Kata Hashim mereka berdua ada kelas tambahan di sekolah. Lagipun peperiksaan dah dekat. Itu yang mereka tak dapat ikut balik ke kampung," terang Nek Minah. Tuk Musa hanya tunduk tanda faham.

"Atuk menjala ikan sembilang, ya?" Rashidah bertanya.

"Tahu sahaja kamu. Ini ha.., ikan sembilang kegemaran kamu. Malam ini kita makan masak asam pedas ikan sembilang kegemaran kamu. Biar nenek kamu yang masak," kata Tuk Musa. Kemudian mereka bersama-sama pulang ke rumah.

Pada malam itu, kelihatan rumah Tuk Musa terang-benderang diterangi cahaya lampu yang berwarna-warni. Mereka menikmati makan malam yang begitu menyelerakan. Rashidah pula, kelihatan begitu berselera kerana neneknya memasak makanan kegemarannya. Encik Hashim dan juga Puan Halina hanya memerhatikan gelagat anak mereka, Rashidah. Mereka tahu itulah makanan kegemaran Rashidah.

"Esok, atuk bawa kamu pergi ke sawah, nak," Tuk Musa mengusap kepala Rashidah.

"Seronoknya..., mestilah nak. Lagipun, esok Shidah nak tengok budak-budak di sini bermain galah panjang. Sudah lama Shidah tak bermain permainan itu," Rashidah memandang datuknya.

"Oh! Kalau begitu, esok atuk bawa kamu ke rumah Jali. Dia yang selalu bermain galah panjang. Atuk rasa tentu kamu masih ingat pada Jali kan?" tanya datuknya.

"Oh! Jali yang rumahnya di tepi hujung jalan tu ya, tuk. Shidah suka berkawan dengan dia. Esok kita

pergi ke rumah dia ya," pinta Rashidah. Tuk Musa menganggukkan kepala tanda setuju. Pada malam itu, mereka semua tidur awal kerana masing-masing keletihan. Lebih-lebih lagi Encik Hashim dan Puan Halina. Cuma, Rashidah sahaja tidak dapat melelapkan mata kerana tidak sabar menanti hari esok.

Setelah bersarapan pagi, Rashidah mengikuti datuknya pergi ke bendang. Dalam perjalanan ke bendang, mereka singgah di rumah Jali. "Assalamualaikum.." Tuk Musa memberi salam.

"Waalaikumsalam.." jawab satu suara dari dalam rumah itu.

"Oh.., Tuk Musa. Silakan masuk," kelihatan seorang budak lelaki sebaya Rashidah muncul dari muka pintu.

"Tak apalah, Jali. Tuk nak kenalkan kamu dengan cucu atuk. Kamu masih ingat tak dengan cucu atuk, Rashidah?" tanya Tuk Musa.

Jali mengerutkan dahi dan beberapa saat kemudian dia tersenyum. "Oh! Kamu Rashidah. Saya masih ingat lagi. Bila kamu sampai?" Jali memulakan perbualan.

"Petang semalam," jawab Rashidah.

Mereka berdua bersalaman. Kemudian Tuk Musa berkata, "Begini Jali. Tuk nak minta tolong Jali bawakan Shidah jalan-jalan di sekitar kampung ni. Shidah ni hendak tengok sangat kamu dan kawan-

kawan kamu bermain galah panjang. Sudah lama dia tidak melihatnya," Tuk Musa menunggu reaksi Jali.

"Oh! Itu tidak menjadi masalah. Nanti petang saya datang rumah ya, tuk," balas Jali. Dia bersetuju untuk membawa Rashidah melihat permainan galah panjang yang sering dimainkannya bersama dengan kawan-kawannya pada waktu petang.

Seperti yang dijanjikan pada petang itu, Jali membawa Rashidah bertemu kawan-kawannya. Kesemua kawan-kawan Jali terdiri daripada budak lelaki. Namun Rashidah tidak mempedulikannya. Mereka pun memulakan permainan galah panjang. Rashidah hanya memerhatikan dari tepi gelanggang. Lama-kelamaan Rashidah menjadi bosan. "Jali..., Jali. Mari sekejap," Rashidah memanggil Jali.

"Ada apa, Shidah kamu hendak pulang ke rumah, ke?" tanya Jali.

"Tidak. Begini bolehkah saya bermain bersama kamu?" balas Shidah menunggu jawapan daripada Jali.

"Apa! Kamu hendak bermain sekali. Permainan ini hanya sesuai untuk budak lelaki dan ia tidak sesuai untuk budak perempuan seperti kamu. Nanti, apa pula kata mereka," balas Jali. Dia terkejut dengan permintaan Rashidah.

"Alah..., budak lelaki dengan budak perempuan

sama sahaja. Saya juga boleh bermain seperti kamu. Bolehlah Jali. Saya bosanlah kalau hanya duduk di sini. Lebih baik saya duduk kat rumah sahaja," Shidah seolah-olah merajuk.

"Kalau begitu, baiklah nanti saya beritahu kawan-kawan saya," balas Jali. Dia tidak mahu mengecewakan Rashidah. Kemudian Jali terus memberitahu kawan-kawannya. Kawan-kawannya kelihatan seperti tekejut kerana ada juga budak perempuan yang berminat untuk bermain permainan galah panjang.

"Kamu tahu bermain ke?" tanya Gopal kepada Rashidah.

"Tahu. Dahulu pun saya pernah bermain galah panjang ni dengan kawan-kawan sekolah saya," balas Shidah.

"Sebenarnya, jarang sekali ada budak perempuan yang mahu bermain galah panjang. Selalunya mereka lebih gemar bermain anak patung, masak-masak dan bermain congkak. Tetapi kamu.., tidak. Jangan-jangan kamu ni.." Fairuz terkekeh-keh sambil diikuti gelak ketawa oleh kawan-kawan Jali.

"Hoi! Janganlah ejek dia. Biarlah dia bermain bersama kita. Apa salahnya," sampuk Jali membela Rashidah.

"Baiklah.., tetapi aku tak mahu berada satu kumpulan dengan dia, nanti kalah teruk pula," sindir

Gopal.

Rashidah menjeling ke arah Gopal. Dia tahu Gopal tidak begitu menyukainya, namun dibiarkan sahaja. Bagi Rashidah apa yang penting, dia dapat bersama-sama bermain permainan galah panjang.

Rashidah berada satu kumpulan dengan Jali. Mereka berada dalam kumpulan penyerang. Rashidah yang begitu gembira, bermain dengan begitu lincah sekali. Dia mahu menunjukkan bahawa pasukannya akan memenangi permainan ini pada petang itu. Rashidah juga mahu membuktikan terutama pada Gopal yang dia juga pandai bermain galah panjang.

Memang seperti yang diduga, kemenangan memihak kepada kumpulan Rashidah dan Jali. Mereka bersorak gembira. Gopal kelihatan begitu geram melihat pasukannya kalah. Tambahan pula apabila melihat Rashidah yang menjeling seolah-olah menyindirnya.

"Alah..., petang ini sahaja kamu boleh menang esok kumpulan kami pula yang akan menang," Gopal menjeling ke arah Rashidah.

"Itulah kamu, jangan suka memandang rendah pada orang lain," balas Jali.

Keesokan petangnya, mereka berjanji mahu bermain galah panjang lagi. Gopal bertekad akan memastikan kumpulannya akan memenangi perlawanan galah panjang pada hari esok. Dia mahu

membuktikan pada Rashidah yang dia juga tangkas bermain. Kemudian mereka bersurai kerana cahaya matahari seakan-akan mahu menghilang.

Tiba di rumah, Puan Halina menegur Rashidah, "Ke mana sahaja kamu pergi, Shidah. Sudah lewat petang baru ingat nak balik."

"Shidah pergi main galah panjang bersama Jali tadi. Sebab itulah balik lambat sikit," jawab Rashidah sambil mengelap peluhnya dengan tuala kecil.

"Kamu ni tak padan dengan perempuan. Itukan permainan budak lelaki. Ha! tengok baju tu, kotor. Sudah, pergi mandi.." Puan Halina menggeleng.

"Apa yang kamu bebelkan tu, Lina?" Tuk Musa muncul dari dapur.

"Tak ada apa-apa, ayah. Shidah ni ha..., risau saya dibuatnya. Perangainya tidak seperti budak perempuan. Apa yang budak lelaki buat dia hendak buat. Kalau saya suruh main anak patung ada sahaja alasannya. Tetapi kalau abangnya nak bermain bola sepak, mahu pula dia ikut," Halina mengeluh panjang.

"Biarlah, Lina. Budak tu masih kecil lagi. Bila sudah besar nanti tahulah dia mengatur perwatakannya," Pak Musa membela Rashidah.

"Saya bukannya apa, ayah. Nanti apa pula jiran di sini cakap. Saya tak pandai mendidik anak perempuan saya. Malu juga saya dengan jiran

sebelah rumah. Pernah dulu, ayahnya kunci pintu pagar rumah. Bila Shidah balik, dia tak nak beri salam terus saja dia panjat pagar tu," Puan Halina terkenangkan peristiwa yang berlaku pada tahun lepas.

"Budak-budak zaman sekarang ni, memang lasak. Tak macam budak zaman dahulu," Nek Minah menyampuk sambil menumbuk sirih.

"Lina ni memang macam tu mak, ayah. Risau sangat. Dia takut nanti anak perempuannya tak laku dipinang orang bila besar nanti. Maklumlah anak perempuan seorang saja," sampuk Encik Hashim sambil tersengih.

"Eh.., ke situ pula. Saya tak bermaksud macam tu, tapi biarlah sifatnya lebih kepada seorang budak perempuan. Ini baju kurung pun jarang dipakainya. Asyik pakai seluar panjang dan T-shirt sahaja," balas Puan Halina sambil menghirup air kopinya.

Selepas mandi, Rashidah duduk bersama ayah, ibu, nenek dan datuknya di beranda sambil menikmati minum petang. Pada petang itu angin bertiup perlahan dan cuaca kelihatan begitu baik.

Sementara itu di rumah, Halim dan Harun sudah bersiap sedia menyediakan kelengkapan untuk mereka menyertai ekspidisi memanjat Gunung Angsi. Jamal turut membantu mereka. "Mengapa kamu tidak memberitahu perkara yang sebenarnya kepada ayah dan ibu kamu?" tanya Jamal.

“Kalau kami beritahu perkara yang sebenar, tentu ayah dan ibu aku tidak akan bersetuju. Pasti sekarang kami berdua tidak akan dapat menyertai ekspidisi ini,” jawab Halim.

Jamal hanya menggelengkan kepala. Dia tahu, tidak guna menasihati mereka dua beradik, kerana dia sedar pasti nasihatnya tidak akan dihiraukan oleh mereka berdua.

Di kampung, Rashidah begitu gembira sekali. Kerana pada hari itu dia akan berkelah di tepi air terjun yang terletak tidak jauh dari rumah datuknya. Nek Minah dan Puan Halina sedang menyiapkan makanan yang akan dibawa untuk berkelah. Manakala Tuk Musa dan Encik Hashim pula membantu menyiapkan keperluan lain yang perlu dibawa. Mereka pergi dengan menaiki kereta. Rashidah bercadang untuk mengajak Jali bersama. Lalu dia pun pergi ke rumah Jali.

Jali yang berada di halaman rumah tersenyum memandang Rashidah yang berlari ke arahnya. “Ada apa, Shidah. Kamu hendak bermain galah panjang lagi, ke?” tanya Jali sambil tersenyum.

“Tak adalah, itu petang nanti. Sekarang ni, saya nak ajak kamu pergi berkelah. Nak tak?” tanya Rashidah.

“Berkelah? Hish.., seronoknya. Tapi, kedua-dua ibu bapa saya tak ada di rumah sekarang. Kalau saya pergi, apa pula kata mereka nanti,” balas Jali duduk

bersandar.

“Alah kamu tinggalkanlah pesanan pada adik kamu, Jali. Tak seronoklah tak ada kawan bermain nanti,” Shidah cuba memujuk Jali.

“Mengapa kamu tidak memberitahu saya semalam. Kalau tidak, boleh juga saya membuat persiapan,” balas Jali.

“Alah.., tak perlu bersiap apa-apa, cuma kamu perlu mengikut saya sahaja. Cepatlah ibu dan ayah saya sedang menunggu,” Shidah menarik tangan Jali.

“Nantilah dahulu, biar saya beritahu adik saya. Nanti mereka tidak tahu ke mana saya hendak pergi,” balas Jali kemudian masuk ke dalam rumah dan memberitahu adiknya. Setelah itu, mereka pergi. Rashidah berasa sangat gembira kerana dia mempunyai kawan yang dapat bermain bersamanya. Tidaklah dia merasa bosan.

Kelihatan ramai orang berada di kawasan air terjun. Ada yang berenang dan terdapat juga orang yang berkhemah di situ. Maklumlah musim cuti sekolah. Menurut Tuk Musa, selalunya orang yang berkunjung tidaklah seramai seperti hari itu.

Tanpa berlengah lagi, Rashidah mengajak Jali berenang. Jali menurut Rashidah dari belakang. Puan Halina hanya memerhatikan gelagat Rashidah dan sesekali memandang Encik Hashim.

Sebelum itu mereka menyalin pakaian di

tempat yang telah disediakan. Sesudah itu mereka membeli keropok dan makan sambil menuju ke tempat keluarga Rashidah duduk.

Kemudian, mereka meletakkan pakaian salinan dan terus turun bermain. Semasa sedang bermain bola di dalam air tiba-tiba mereka didatangi seorang budak perempuan dan seorang budak lelaki yang menggelarkan diri mereka sebagai Shahrul dan Yatie. Mereka adalah adik-beradik. Mereka berdua memberitahu yang mereka ingin bermain bersama-sama dengan Jali dan Rashidah. Kini mereka mendapat kawan baru.

Mereka berempat bermain dengan gembira. Kedua-dua ibu bapa Rashidah hanya memerhati sahaja gelagat anak perempuan mereka bermain dengan gembira. Mereka berempat seperti telah lama berkenalan kerana kelihatan mereka sangat rapat.

Setelah penat bermain, Rashidah dan Jali pun naik dan makan bersama. Mereka kelihatan begitu gembira sekali. Setelah puas bermain Tuk Musa mengajak mereka pulang ke rumah. Dalam perjalanan pulang, Rashidah hanya memerhati keadaan sawah yang terbentang luas menguning di sepanjang perjalanan dan kelihatan juga banyak hasil kampung yang dijual di tepi-tepi jalan seperti pisang, pucuk ubi dan sebagainya. Mereka tiba di rumah pada jam 3.30 petang. Jali meminta izin untuk pulang.

"Jali, petang ini macam mana? Jadi ke perlawanan galah panjang tu?" tanya Rashidah.

"Tentulah. Gopal mesti tidak berpuas hati dengan kumpulan kita semalam sebab dia kalah. Petang ini kita mesti kalahkan kumpulan dia sekali lagi," balas Jali.

"Baiklah, sebelum saya terlupa, petang ini kita ada kawan baru yang akan bermain bersama kita tau," Jali memberitahu Rashidah.

"Betul ke? Siapa?" tanya Rashidah.

"Karim, budak yang pernah saya beritahu kamu, baru berpindah ke kampung ini minggu lepas. Dia juga berasal dari bandar Kuala Lumpur. Ayahnya ditukarkan ke sini kerana tugas. Saya yang mengajaknya bermain bersama. Dia akan berada satu kumpulan dengan kita menggantikan Farid yang balik ke kampungnya di Pulau Pinang kerana datuknya meninggal.

"Hemmm.., dapat kawan baru lagi kita hari ini. Lagipun, bolehlah saya berkenalan dengan dia. Jangan lupa petang ini kita jumpa di tempat biasa," balas Rashidah sambil melambai Jali.

Jali pulang terus ke rumahnya dan di pertengahan jalan dia bertemu dengan Gopal. "Hai Gopal kamu hendak pergi ke mana?" tanya Jali.

"Aku hendak pergi ke kedai membeli kopi untuk ayah aku," balas Gopal.

"Bagaimana petang ini? Jadi ke perlawanan

galah panjang petang ini. Rashidah sudah tidak sabar lagi untuk bermain bersama kita. Karim budak yang baru berpindah ke kampung kita ni minggu lepas, juga akan bermain bersama kita," Jali tersengih memandang Gopal.

"Apalah kamu ini Jali, balik-balik budak Shidah tu. Aku tak berapa suka dengan dia tu. Budak perempuan sepatutnya bermain permainan budak perempuan. Ini tidak, apa yang kita main dia pun nak main," Gopal mencebik.

"Jangan begitu Gopal. Kamu marah ke, sebab dia banyak mendapatkan mata untuk kumpulan kami. Shidah tu memang begitu. Dia lebih suka bermain permainan budak lelaki daripada bermain permainan budak perempuan. Biarkanlah..., lagipun Shidah bukannya menyusahkan kita," Jali cuba membela Shidah.

"Aku bukan apa, Jali, aku tidak berapa suka dengan dia tu, kita semua lelaki tiba-tiba terselit seorang budak perempuan, kan ke ganjil tu," Gopal menambah.

"Janganlah kamu marah, Gopal. Lagipun bukannya lama Shidah berada di kampung ini. Bila sekolah bermula, dia akan balik ke bandar," Jali menambah.

"Suka hati kamulah, Jali. Yang penting aku tidak mahu satu kumpulan dengan budak perempuan tu, tau," Gopal kembali mengayuh basikalnya.

Sememangnya Gopal tidak berapa menyukai Rashidah kerana baginya budak perempuan tidak sesuai bermain galah panjang. Namun atas pujuhan Jali, Gopal hanya membiarkan sahaja Rashidah turut serta dalam permainan itu.

Seperti yang dijanjikan, pada petang itu Jali, Shidah, Gopal dan rakan-rakan berkumpul di tepi gelanggang permainan. Ramai kanak-kanak lain yang menjadi penonton untuk menyaksikan perlawanan antara kumpulan Jali dan juga kumpulan Gopal. Sebelum permainan bermula, mereka mengundi untuk menentukan mana kumpulan yang akan menjadi kumpulan penyerang dan mana kumpulan yang menjadi pasukan bertahan.

Proses undian dibuat hanya sahaja iaitu dengan melambungkan wang syiling. Pada petang itu, Jali memberikan tugas menjadi ketua pasukan kepada Rashidah. Manakala Gopal mengetuai kumpulannya. Setelah undian dibuat maka kumpulan Gopal menjadi pasukan penyerang manakala kumpulan Rashidah menjadi pasukan bertahan. Setelah selesai proses mengundi, perlawanan antara kedua-dua pasukan pun bermula. Masing-masing menunjukkan kehebatan. Gopal yang mahu memenangi perlawanan pada petang itu cuba mencari jalan untuk menewaskan Rashidah.

Rashidah yang sememangnya tahu akan sifat Gopal yang tidak menyukainya cuba bertahan dan berusaha sedaya upaya. Gopal telah dicuit oleh Rashidah semasa cuba melepassi garisan untuk kembali ke garisan permulaan. Kanak-kanak yang berada di tepi gelanggang bersorak dan memberikan tepukan kepada Rashidah. Gopal menjadi marah, namun dia berazam untuk mematikan kumpulan Rashidah dari terus mendapat mata.

"Oh..., kamu ingat kamu tu hebat sangat ke," bisik hati kecil Gopal. Perlawanan pun dimulakan. Rashidah dan Jali berlari pantas melepassi setiap garisan yang ada. Gopal yang sedang merancang sesuatu memerhatikan Rashidah dari jauh. Dia akan memastikan Rashidah tewas pada kali ini.

"Shidah hati-hati. Kamu ke sana dan saya akan berlari di garisan sebelah sini pula," arah Jali.

Shidah mengangguk tanda faham. Tetapi malang tidak berbau. Semasa melintasi garisan yang dijaga oleh Gopal, Rashidah terjatuh kerana Gopal menarik bajunya.

Rashidah tergolek dan dahinya luka. Masing-masing yang melihat kejadian itu bergegas membantu Rashidah. "Apa yang kamu buat ni Gopal. Kalau kamu tak suka Shidah pun kamu tak perlu bermain kasar sebegini," marah Jali. Gopal yang tergamam hanya tunduk diam melihat dahi Rashidah

berdarah.

"Elok kita hantar Shidah pulang dahulu," cadang Karim. Mereka beramai-ramai menghantar Shidah pulang.

Sampai sahaja di halaman rumah, Jali memanggil Tuk Musa dan juga Nek Minah. "Tuk... oh tuk..." Jali memimpin Rashidah. Tuk Musa bergegas turun dan melihat Rashidah sedang dipimpin oleh Jali.

"Ya Allah,,, macam mana boleh jadi macam ni, Jali? Sudah, bawa Shidah masuk," Tuk Musa mengangkat Rashidah dan membaringkannya di atas sofa. Nek Minah yang baru muncul dari dapur terkejut melihat keadaan Rashidah.

"Ya Allah,,, cucu nenek. Macam mana boleh jadi macam ni?" Mak Minah mengambil tuala dan mengelap dahi Rashidah.

Ketika itu, Encik Hashim dan juga Puan Halina tiada di rumah. Mereka pergi ke pekan untuk membeli barang keperluan. Tuk Musa bimbang melihat cucunya Rashidah yang sedang mengerang kesakitan.

"Cepat Minah, ambil ubat banyak darah yang keluar," arah Tuk Musa.

Tidak lama selepas itu, kedengaran bunyi deruan kereta dari halaman rumah. Kelihatan Encik Hashim dan Puan Halina baru pulang dari pekan. Mereka melihat ramai kanak-kanak berada di rumah.

Mereka kehairanan dan mengagak sesuatu yang buruk telah berlaku. Puan Halina pantas meluru masuk dan mendapati sangkaannya tepat. Puan Halina terperanjat melihat Rashidah terbaring lesu dan kelihatan dahinya yang berdarah.

"Ya Allah..., apa dah terjadi ni, mak?" Puan Halina bertanya kepada ibu mentuanya.

"Menurut Jali, Shidah terjatuh semasa bermain galah panjang dengan kawan-kawannya," terang Nek Minah cemas memandang Puan Halina.

Tanpa berlengah lagi, Encik Hashim mengangkat Rashidah dan membawanya ke klinik yang berhampiran. Setelah diperiksa, Rashidah mengalami kehilangan banyak darah dan dahinya dijahit. Setelah selesai Encik Hashim dan Puan Halina membawa Rashidah pulang.

Tuk Musa dan Nek Minah menasihati Jali agar bermain dengan berhati-hati dan tidak lagi membenarkan Rashidah bermain galah panjang kerana permainan itu hanya sesuai untuk budak-budak lelaki sahaja. Jali memahami maksud Tuk Musa dan Nek Minah. Jali pulang ke rumah dengan perasaan sedih dan simpati terhadap Rashidah.

Semasa dalam perjalanan pulang, Jali bertemu dengan Gopal. Gopal memanggil Jali, namun dia tidak mengendahkannya dan meneruskan perjalanan. Sebenarnya, Jali marah dengan tindakan Gopal yang sering memandang rendah terhadap

Rashidah dan kerana Gopallah Rashidah mendapat kecelakaan.

"Jali, kau marah pada aku ke?" tanya Gopal. Jali tidak menjawab dan meneruskan perjalanan untuk pulang ke rumah.

Tidak lama kemudian, Gopal bertemu dengan Farid. "Farid! Farid! Nanti dahulu," panggil Gopal. Farid menoleh dan melihat Gopal. Farid juga tidak mempedulikan Gopal. Semua yang ada pada petang itu menyalahkan Gopal kerana Gopal bertindak kasar terhadap Rashidah.

Gopal berasa sedih dengan tindakan kawannya, lalu terus pulang ke rumahnya. Di rumah Gopal diam dan menyesali perbuatannya. Jika dia tidak menolak Rashidah sudah pasti kawan-kawannya tidak akan menjauhkan diri daripadanya. Namun, segalanya sudah berlaku. Gopal bercadang untuk pergi ke rumah Tuk Musa dan memohon maaf kepada Rashidah. Tetapi, Gopal berasa malu hendak berdepan dengan Rashidah. Walau bagaimanapun, dia bercadang untuk membawa Jali bersama.

Sampai di rumah, Rashidah hanya terbaring lesu. Tuk Musa dan Nek Minah sedih melihat Rashidah yang sebelum ini begitu lincah, kini hanya terbaring lesu. Encik Hashim dan Puan Halina hanya memandang sesama sendiri.

"Ibu, Shidah lapar," Rashidah mula membuka matanya. Encik Hashim dan Puan Halina kelihatan

begitu gembira apabila mendapati Rashidah sudah mula bercakap.

Tuk Musa dan Nek Minah juga turut gembira dengan perubahan Rashidah. "Shidah nak makan ye? Nanti ibu ambilkan. Shidah berehatlah dahulu," Puan Halina terus menuju ke dapur untuk mengambil makanan.

"Betul ke ada orang yang tolak Shidah semasa bermain?" Tuk Musa bertanya.

Shidah teringat kepada Gopal. Shidah berasa kasihan. Kalau dia menyatakan perkara yang sebenar sudah pasti Gopal akan dimarahi. "Tidaklah tuk, Shidah terjatuh semasa bermain. Shidah terlanggar kawan Shidah," jawab Rashidah cuba melindungi Gopal.

"Tapi, Jali beritahu Gopal yang menolak kamu," balas Tuk Musa.

"Betul tuk, Shidah yang jatuh sendiri, bukan Gopal yang tolak. Tak apalah tuk, Shidah pun dah sihat sikit, esok Shidah ikut atuk pergi sawah ya," Rashidah memeluk Tuk Musa.

"Shidah, Shidah, kamu ni memang nakallah," Encik Hashim tersenyum memandang Rashidah.

Nek Minah yang melihat gelagat Rashidah turut tersenyum. Baginya Rashidah satu-satunya cucu perempuan yang manja. Puan Halina muncul dengan membawa makanan untuk Rashidah. Pada petang itu, Rashidah makan dengan begitu berselera.

Encik Hashim dan Puan Halina sudah empat hari berada di kampung. Mereka mula teringatkan Halim dan Harun. Encik Hashim kemudian mencapai telefon dan terus mendail nombor telefon rumahnya. Namun, bunyi deringan telefon di rumah tidak berangkat. Encik Hashim melihat jam di dinding. Jam menunjukkan pukul 9.00 malam. Hashim mengagak mungkin Halim dan Harun belum pulang dari kelas tambahan. Tetapi keimbangan mula terasa apabila Encik Hashim mendapati telefon tidak berangkat juga ketika dia mendail pada jam 12.00 malam. Namun perasaannya itu dibiarkan sahaja kerana bimbang Puan Halina turut berasa bimbang. Encik Hashim bercadang untuk menelefon semula pada keesokan harinya.

Seperti biasa, Tuk Musa bersiap-siap untuk pergi ke sawah. Nek Minah menghulurkan bekal perisi nasi dan sedikit lauk untuk suaminya. Rashidah yang melihat datuknya bersiap, terus bangun dan mendapatkan datuknya. "Atuk hendak ke sawah?" Rashidah menarik tangan datuknya.

"Ya, tapi Shidah tak boleh ikut atuk sebab Shidah belum sihat lagi. Nanti kalau Shidah dah sihat baru lah ikut atuk. Shidah duduk di rumah jaga nenek, ora," Tuk Musa memujuk cucunya.

"Shidah dah sihatlah, tuk. Ha, tengok ni Shidah dah boleh berlari," Rashidah berlari-lari mengelilingi datuknya. Tuk Musa tetap tidak membenarkan Shidah

mengikutinya. Dia bimbang jika ada sesuatu yang terjadi kepada Rashidah semasa berada di sawah. Sudah pasti dia akan berasa bersalah terhadap anaknya dan juga menantunya.

"Kenapa, ayah?" Puan Halina bertanya.

"Ini ha,,, Shidah nak ikut ayah pergi ke sawah, tapi ayah tak boleh bawa dia. Beginilah, hari ini kamu bawa Shidah jalan-jalan keliling kampung dan pekan Muar biar dia rasa segar sikit," cadang Tuk Musa.

"Boleh juga. Lagipun memang saya nak pergi ke pekan beli barang sikit. Kalau mak hendak ikut marilah," pelawa Puan Halina memandang mak mentuanya.

"Tak mengapalah, Lina. Biar mak duduk di rumah sahaja. Lagipun mak hendak siapkan menjahit. Kamu bawalah Shidah tu."

Shidah hanya terkebil-kebil memandang ibu dan neneknya. Di dalam hatinya, dia terkilan kerana tidak dapat mengikuti datuknya ke sawah. Rashidah sedang bersiap-siap untuk mengikut ayah dan ibunya ke pekan. Dia memakai baju kurung yang dibelikan oleh ibunya tahun lalu. Rashidah kurang gemar memakai baju kurung tetapi atas desakan ibunya dia menurut. Rashidah duduk termenung mengenangkan hal dirinya. Dia teringatkan Gopal yang menolaknya tempoh hari. Dia juga tidak menyangka, Gopal sanggup menolaknya semata-mata untuk memperolehi kemenangan. Dia juga tahu

wang Gopal memang tidak menyukainya.

Setelah sehari bersiar-siar di pekan Muar, Rashidah kelihatan letih tetapi dia banyak membeli barang-barang seperti baju, pakaian sekolah dan juga buah tangan untuk Jali. Dia banyak terhutang budi dengan Jali yang banyak membantunya semasa dia bercuti di rumah datuknya. Jali adalah kawan yang boleh dipercayai. Rashidah bercadang untuk pergi ke rumah Jali selepas pulang dari pekan nanti.

“Abang, macam manalah keadaan Halim dan Harun. Hati saya rasa tidak senang tinggalkan budak-budak tu di rumah lama-lama,” tiba-tiba Puan Halina bertanya kepada Encik Hashim semasa dalam perjalanan pulang.

“Apa yang nak dirisaukan, mereka berdua tu dah besar, tahulah mereka menjaga diri,” balas Encik Hashim walaupun dia sendiri sebenarnya bimbang akan keselamatan anaknya.

“Saya rasa baik kita pulang esok,” cadang Puan Halina.

“Esok? Cuti sekolahkan panjang lagi. Nanti apa kata mak dan ayah. Sudahlah kita dah lama tak balik ke kampung. Janganlah awak risau sangat dengan budak-budak tu, nanti kita telefonlah,” kata Encik Hashim cuba memujuk isterinya. Puan Halina hanya tunduk membisu. Dibiarkan sahaja kerisauan yang melanda dirinya. Rashidah yang mendengar

perbualan ibu dan ayahnya hanya mendiamkan diri. Dia hanya mahu berjumpa Jali dan juga kawan-kawan yang lain setelah dua hari dia tidak bermain galah panjang bersama mereka.

Sampai sahaja di rumah, Rashidah mendapati datuknya sudah pulang. Dia menunjukkan barang-barang yang dibelinya dan meminta kebenaran daripada ibu dan ayahnya untuk pergi ke rumah Jali. Encik Hashim tidak dapat menghalang kehendak anaknya lalu memberikan.

Rashidah begitu gembira dan dengan segera dia berlari menuju ke rumah Jali. Sewaktu dia sampai di rumah Jali, Jali baru sahaja pulang dari rumah Farid. Dia kelihatan gembira melihat Rashidah yang sudah pulih dari kecederaannya. Jali menjemput Rashidah masuk. Mereka berborak panjang dan makan bersama.

“Shidah, petang ini saya hendak pergi bermain galah panjang bersama kawan-kawan yang lain. Kamu hendak main sama?” Jali memandang Shidah.

Shidah begitu gembira apabila mendengar pelawaan Jali, tetapi kemudian Shidah mengeluh panjang. “Shidah bukan tak mahu tetapi ayah dan ibu tidak benarkan Shidah main lagi. Katanya itu permainan budak lelaki. Lagipun Shidah tahu Gopal tak suka pada Shidah,” balas Rashidah tunduk diam.

“Jangan kamu bimbang, sebab kami tidak lagi

bermain bersama Gopal. Kawan-kawan yang lain tidak mahu berkawan dengannya lagi disebabkan kejadian tempoh hari. Biar dia rasakan bagaimana rasanya jika dipulaukan kawan-kawan," balas Jali.

"Tak elok macam tu, Jali. Walaupun Gopal bersalah tetapi dia tetap kawan kita. Mungkin dia tidak sengaja pada hari itu. Ajaklah dia bermain bersama," kata Rashidah memujuk Jali.

"Baiklah, tetapi kamu mesti berjanji akan bermain bersama kami petang ini," kata Jali.

"Saya balik dahulu. Nanti kalau ibu dan ayah benarkan, saya akan datang," jawab Rashidah. Kemudian dia pulang ke rumah dan mendapati ibu dan ayahnya sedang bersiap-siap seperti mahu pulang ke Kuala Lumpur. "Hendak pergi ke mana ni, bu?" tanya Rashidah kehairanan.

"Ha..., elok pun kamu balik, Shidah. Cepat berkemas kita nak bertolak balik ke Kuala Lumpur sekarang juga," balas ibunya sambil menoleh pada Shidah.

"Tetapi kenapa tergesa-gesa, bu?" tanya Rashidah inginkan kepastian.

"Abang Halim kamu dimasukkan ke hospital kerana patah kaki," terang Puan Halina. Rashidah terperanjat dan dengan segera dia berkemas. Walaupun banyak persoalan yang hendak ditanyakan tetapi dia diamkan sahaja kerana imbang ibunya akan memarahinya. Kelihatan datuk

dan neneknya juga sedang bersiap-siap.

"Nenek hendak ikut sekali balik ke Kuala Lumpur?" Shidah bertanya pada neneknya.

"Ya, nenek dan atuk akan mengikut kamu balik sebab Abang Halim kamu patah kaki sewaktu pergi memanjat Gunung Angsi," terang Nek Minah. Kini, barulah Rashidah faham mengapa kedua-dua abangnya berkeras tidak mahu pulang ke kampung.

Dalam perjalanan pulang, dia singgah di rumah Jali dan menyatakan yang dia tidak dapat bermain bersama. Rashidah dan Jali bersalaman. Walaupun sedih, namun dia terpaksa tinggalkan kawan-kawannya dan berjanji akan balik ke kampung apabila cuti sekolah tiba. Sewaktu hendak memasuki kereta tiba-tiba dia ternampak Gopal sedang berlari-lari ke arahnya.

"Shidah, nanti dulu," Gopal menjerit.

Shidah keluar dan mendapatkan Gopal. "Ada apa Gopal?" Shidah bertanya.

"Sebenarnya, aku nak minta maaf di atas kejadian tempoh hari," kata Gopal sambil menghulurkan tangan.

Rashidah juga menghulurkan tangan dan berkata, "Saya sudah lama maafkan kamu. Saya tahu kamu tidak sengaja. Tidak mengapalah, Gopal, lagipun memang salah saya. Permainan galah panjang tu, permainan budak lelaki sahaja. Dan tidak

sesuai untuk budak perempuan seperti saya. Saya hendak balik ke Kuala Lumpur. Bila musim cuti nanti saya akan datang ke sini lagi," balas Rashidah tersenyum memandang Gopal.

Gopal menghulurkan sebuah bungkusan kepada Rashidah. "Ambillah ini sebagai buah tangan daripada saya, Puteri Galah," kata Gopal menghulurkan bungkusan kepada Rashidah sambil ketawa.

"Apa! Puteri Galah? Hish kamu ni.., ada-ada sahaja. Terima kasih, Gopal," balas Rashidah. Dia melambai Jali dan juga Gopal.

Sebenarnya, kawan-kawannya di kampung menggelarkannya Puteri Galah Panjang.

Di dalam perjalanan Rashidah teringatkan Jali, Gopal dan juga kawan-kawan yang bermain galah panjang bersamanya. Dia tahu, dia tidak akan dapat bermain galah panjang apabila tiba di Kuala Lumpur nanti.

Kereta yang dinaiki Rashidah menyusur laju meninggalkan kampung datuknya yang banyak memberikan kenangan kepadanya. Walaupun dia tidak dapat bercuti lama di sana, namun cuti sekolah pada kali ini banyak memberikan pengalaman yang berharga kepadanya.

Dia teringatkan akan kata-kata Gopal yang memanggilnya Puteri Galah. Kemudian dia tersenyum sendirian. "Ya, akulah puteri dikelilingi

putera-putera dan akulah sebenarnya Puteri Galah," Rashidah tersenyum sendirian. Dia memandang ke luar tingkap kereta sambil melihat suasana di sepanjang perjalanan pulang dan akhirnya dia terlena di pangkuhan neneknya.

Lebih kurang dua jam lebih kemudian, mereka sampai di perkarangan rumah Encik Hashim dan Puan Halina. Ketibaan mereka disambut oleh Harun. Kemudian, tanpa berlengah lagi Encik Hashim terus mendapatkan anaknya dan bertanya, "Kenapa boleh jadi macam ini?"

"Sebenarnya, ayah..." Harun kelihatan seperti teragak-agak untuk memberitahu ayahnya.

"Sudah, mari pergi ke hospital sekarang," balas Encik Hashim. Suaranya sedikit meninggi.

Tanpa berlengah lagi, mereka bersama-sama pergi ke hospital. Puan Halina adalah orang yang paling cemas ketika itu, kerana anaknya kini berada di hospital. Tambahan pula menurut doktor, kecelakaan yang menimpa anaknya telah menyebabkan kakinya patah.

Harun hanya tunduk. Dia mengaku akan kesalahannya. Semasa dalam perjalanan ke hospital, dia memberitahu perkara yang sebenar kepada ayahnya. Ayahnya kelihatan sangat marah dan jika nak diikutkan hatinya yang marah, mahu sahaja dia memukul anaknya itu. Tetapi memandangkan ayah dan ibunya juga ada di situ, dia hanya

memendamkan sahaja perasaan marahnya.

Namun di sudut hatinya, dia berasa kesal dengan sikap anaknya. Tidak sepatutnya mereka bersikap begitu.

"Ayah, ibu, maafkan kami. Kami bersalah."

"Sudahlah, lain kali jangan buat perkara begini lagi," sampuk ibunya.

Rashidah ketika itu, berasa marah juga dengan sikap kedua-dua abangnya yang telah menyebabkan ibu, ayah, nenek serta datuk mereka susah hati.

"Apalah Abang Harun ni, tak baik tau buat kedua-dua ibu bapa kita berasa susah hati," kata Rashidah sambil menjeling abangnya. Dia sememangnya tidak puas hati dengan sikap kedua-dua abangnya yang mementingkan diri sendiri. Lagipun, dia terkilan kerana disebabkan abangnya, dia tidak dapat menghabiskan cutinya di kampung. Dia juga tidak dapat bermain galah panjang bersama kawan-kawannya di kampung.

"Sudahlah, Shidah. Ibu tahu kamu sebenarnya sakit hati sebab tak dapat habiskan cuti sekolah di kampung," balas Puan Halina.

"Ala..., ibu ni..."

"Maafkan abang, dik," kata Harun kepada Rashidah.

Tidak lama kemudian, mereka sampai di perkarangan hospital di mana Halim dimasukkan

di wad hospital tersebut. Sewaktu mereka sampai di wad, kelihatan Halim sedang termenung sahaja. Puan Halina ketika itu berasa sayu melihat keadaan anaknya.

“Ayah, ibu..., maafkan Halim.”

“Tak apalah, nak, sudah ditakdirkan jadi begini,” balas Puan Halina. Dia berasa sedih melihat anaknya.

“Ha! Inilah balasannya jika berbohong dengan kedua-dua ibu bapa sendiri,” sampuk Encik Hashim.

“Sudahlah, Hashim..., anak kamu sedang sakit ni. Janganlah kamu marah dia,” kata Tuk Musa cuba menenangkan anaknya.

“Saya bukannya apa ayah, tapi perangai mereka betul-betul telah menghamparkan saya. Saya tak sangka mereka sanggup berbohong kepada saya. Padahal saya tidak pernah mengajar mereka berbohong,” balas Encik Hashim meluahkan rasa kesalnya.

“Ayah, maafkan saya. Saya berjanji selepas ini saya tidak akan berbohong lagi,” kata Halim.

“Saya juga,” kata Harun.

“Jangan berjanji sahaja, jika selepas ini ayah dapatti kamu mengulangi kesilapan ini lagi, ayah tak akan maafkan kamu lagi.”

“Terima kasih, ayah,” jawab Harun dan Halim serentak.

“Ha! Ingat jangan mungkir janji,” sampuk

Rashidah.

"Amboi, pandai pula dia menasihati abang, ya. Shidah pun sama, tengok kepala tu, kerana degillah jadi macam itu," kata ibunya pula. Semua yang berada di situ tersenyum.

"Sebenarnya, Shidah terkilan sebab tak dapat bermain galah panjang bersama kawan-kawannya di kampung," sampuk datuknya, Tuk Musa.

"Memanglah, sepatutnya sekarang kita berada di kampung. Memandangkan cuti sekolah masih ada. Kerana abang berdua, saya terpaksa melepaskan peluang bermain galah panjang."

"Maafkanlah kami, dik."

"Tapi, tak apa. Yang penting saya dah digelar Puteri Galah."

"Puteri Galah. Baru duduk di kampung, dah dapat gelaran?" tanya Harun.

"Mestilah, adik abang ni kan serba boleh," jawab Rashidah.

"Dan disebabkan serba boleh tulah kepala berbalut," sampuk ayahnya pula.

"Walau apa pun, saya tetap Puteri Galah."

"Baiklah, Puteri Galah. Maafkan saya," kata Harun mengusik adiknya.

"Bagaimana keadaan Abang Halim sekarang," tanya Rashidah.

"Sudah sekian lama abang menanti Shidah

tanya. Baru sekarang terluah..,” balas Halim sambil tersengih.

“Ala.., maaflah, bila abang boleh keluar dari hospital.”

“Kamu tunggu di sini, ayah nak bertemu dengan doktor.”

“Entahlah, dik. Tapi abang dah sihat dah ni. Kaki abang bukannya patah cuma terseliuh sikit saja. Harun ni saja salah faham sebab risaukan abang.”

“Sudahlah, Shidah jangan diganggu abang kamu,” kata Puan Halina.

“Macam mana kamu boleh jadi begini,” tanya Tuk Musa.

“Sebenarnya, tuk.., semasa kami semua sedang mendaki, seorang budak telah tergelincir dan jatuh. Saya ketika itu ada di belakangnya. Jadi saya turut terjatuh bersama dengannya.”

“Jadi bagaimana dengan budak itu sekarang?” tanya Nek Minah pula.

“Dia tak apa-apa cuma cedera ringan sahaja sebab dia terjatuh menghempap saya.”

“Oh, begitu, nasib baik kamu tak cedera teruk,” kata Puan Halina.

Tidak lama kemudian, ayahnya sampai dan memberitahu, “Menurut doktor, besok petang Halim dah boleh balik. Katanya lagi cedera di kaki Halim tidaklah teruk sehingga mengakibatkan patah, cuma dia hanya terseliuh sahaja.”

## RUJUKAN

- a) Asmad. *Seni Lagu dan Permainan Tradisi*. 1990. Penerbit: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
- b) Soon Siew Fuang. *Koleksi Permainan Tradisi Kanak-Kanak Malaysia*. 1990. Cawangan Penyelidikan Bahagian Kebudayaan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Malaysia. Kuala Lumpur.
- c) Noordin Sulaiman, Rosidah Awang. *Permainan dan Hiburan Tradisi*. 2000. Penerbit: Pinang Sdn. Bhd.
- d) Rahim Syam & Norhale. *Mendekati Kebudayaan Melayu*. Fajar Bakti, Petaling Jaya. 1985.

